

Panduan Polisi untuk Melindungi Mangsa Pemerdagangan



The Bali Process

on People Smuggling, Trafficking in Persons and Related Transnational Crime

Panduan pengenalan
untuk para penggubal
polisi dan pengamal



The Bali Process

“Bali Process” - Penyeledupan dan Pernerdagangan Manusia dan Jenayah Transnasional yang Berkenaan (Bali Process) telah ditubuhkan pada 2002 dan merupakan pertubuhan proses konsultatif serantau sukarela yang tidak terikat yang diuruskan bersama oleh Kerajaan-kerajaan Australia dan Indonesia dan merangkumi lebih daripada 45 negara-negara ahli serta pertubuhan-pertubuhan. Segala pertanyaan tentang panduan polisi boleh ditujukan kepada Pejabat Sokongan Serantau (RSO) untuk Bali Process di: Emel: info@rso.baliprocess.net

Laman web: <http://www.baliprocess.net/regional-support-office>

Penghargaan

Panduan polisi ini telah dihasilkan oleh ahli-ahli Bali Process, dengan sokongan Pejabat Sokongan Serantau dan diketuai Jawatankuasa Penggubal Panduan Polisi Bali Process yang merangkumi ahli-ahli berikut:



Lalu Muhamad Iqbal,

Pemangku Pengarah Perlindungan Warganegara dan Entiti Undang-undang Indonesia
Kementerian Luar Negara Indonesia (Pengerusi Bersama)



Jonathan Martens,

Ketua Unit Bantuan Migran
Pejabat Serantau untuk Asia dan Pasifik, , Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (Pengerusi Bersama)



Megan Chalmers,

Pegawai Kanan Undang-undang,
Jenayah ke Atas Orang Perseorangan
Jabatan Peguam Negara,
Australia



Mohamed Shifan,

Timbalan Ketua Jabatan Immigresen,
Jabatan Immigresen dan Emigresen



Robert Larga,

Pengarah Perlesenan dan Regulasi
Pentadbiran Pekerjaan Luar Negara Filipina
Filipina



Pinthip Leelakriangsak Srisanit,

Pendakwa Raya,
Jabatan Hal Ehwal Dalaman,
Pejabat peguam,
Thailand



Sokongan lanjut kepada Jawatan kuasa Penggubal dari:

Tim Howe,

Penyelaras Projek IOM,
Pejabat Sokongan Serantau



The Bali **Process**

Kata Pengantar

Semenjak pertubuhannya pada 2002, “Bali Process” – Penyelidikan dan Perdagangan Manusia, dan Jenayah Transnasional yang Berkenaan (Bali Process) telah berjaya meningkatkan kesedaran serantau terhadap kesan-kesan penyelidupan manusia, perdagangan orang perseorangan dan jenayah transnasional yang berkenaan, disamping merancang dan melaksanakan strategi-strategi dan kerjasama praktikal dalam respons. 48 negara ahli dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, berserta sebilangan negara pemerhati dan agensi antarabangsa, turut mengambil bahagian dalam forum sukarela ini.

Pegawai-pegawai Kanan dalam Mesyuarat Ad Hoc Kelapan “Bali Process”, telah menyarankan satu set panduan polisi berkaitan isu-isu pengenalpastian dan perlindungan terhadap mangsa perdagangan dibincangkan dan dilaksanakan oleh Pejabat Sokongan Serantau “Bali Process” (RSO) dengan ahli-ahli yang berminat. Selain itu, RSO juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penggubal yang dipengerusikan bersama oleh Kerajaan Republik Indonesia dan Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM) untuk menyediakan draf panduan polisi. Jawatankuasa Penggubal ini terdiri daripada para pakar dari Kerajaan-kerajaan Indonesia, Australia, Maldives dan Filipina.

Jawatankuasa ini telah besidang sebanyak empat kali dalam tempoh enam bulan, dengan matlamat untuk memperkembangkan panduan pengenalan ringkas bagi para penggubal polisi dan pengamal tentang isu-isu yang terlibat dengan pengenalpastian dan perlindungan mangsa perdagangan.

Draf-draf panduan ini telah diedarkan kepada ahli-ahli serta para pemerhati “Bali Process” untuk sebarang komen bertulis dan untuk dibincangkan serta dikaji semula selengkapnya dalam Bengkel Kerja Perundingan “Bali Process” yang berlangsung pada 23-24hb Mac 2015 di Bangkok, Thailand. Para peserta bersetuju bahawa panduan polisi tersebut amatlah berguna bagi penggubal polisi dan pengamal untuk membantu mereka dalam pengenalpastian dan perlindungan mangsa perdagangan. Sebagai respons terhadap komen-komen yang diterima daripada ahli-ahli, Jawatankuasa Penggubal telah menyemak semula draf-draf dan menambah baik segala perubahan-perubahan utama serta saranan-saranan.

Panduan polisi ini bertujuan memberikan gambaran keseluruhan standard-standard antarabangsa dan serantau untuk pengenalpastian dan perlindungan mangsa-mangsa perdagangan, yang banyak bersandar pada amalan-amalan terbaik dari negara-negara ahli “Bali Process”. Selari dengan saranan-saranan Persidangan Menteri Kelima pada April 2013, panduan polisi ini merupakan set kedua Panduan Polisi “Bali Process” yang jatuh dalam tema “Bali Process” dan dalam isu-isu yang sangat penting kepada ahli-ahli “Bali Process”. Panduan ini berciri sukarela dan tidak terikat serta bertujuan untuk bertindak sebagai bahan rujukan bagi mana-mana agensi-agensi domestik di kalangan Negara-negara Ahli “Bali Process”.



Lisa Crawford
RSO Co-Manager (Australia)



Bebek A.K.N. Djundjunan
RSO Co-Manager (Indonesia)



Singkatan dan Ringkasan Perkataan

ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
Bali Process	“Bali Process” - Penyeledupan dan Pernerdagangan Manusia, dan Jenayah Transnasional yang Berkenaan
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
IOM	Pertubuhan Migrasi Antarabangsa
MOU	Memorandum Persefahaman
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
Organized Crime Convention	Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Jenayah Terancang Transnasional
RSO	Pejabat Sokongan Serantau “Bali Process”
Trafficking in Persons Protocol	Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pernerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak, untuk membantu Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menangani Jenayah Terancang Transnasional
UN	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
UNHCR	Persuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pemohon Suaka
UNODC	Jabatan Dadah dan Jenayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Kandungan

Ringkasan Eksekutif	2
Seksyen 1: Pengenalan kepada perlindungan mangsa perdagangan	3
1.1. Rangka Kerja Undang-undang Antarabangsa untuk perlindungan mangsa perdagangan	3
1.2. Cabaran-cabaran perlindungan	5
1.3. Pertimbangan perlindungan: Tanggungjawab dan kepentingan utama	6
Seksyen 2: Peringkat-peringkat operasi perlindungan	9
2.1. Perlindungan awal	9
2.2. Perlindungan menerusi proses perundangan jenayah	11
2.3. Penyelesaian perlindungan yang mampan	15
Seksyen 3: Penyelerasan dan pendekatan pelbagai pihak yang berkepentingan	19
3.1. Melindungi pihak yang berkepentingan	19
3.2. Penyelerasan pada tahap politik	21
3.3. Penyelerasan pada tahap operasi	22
Seksyen 4: Kesimpulan tip-tip untuk melindungi mangsa perdagangan	24



Ringkasan Eksekutif

Pemerdagangan manusia merupakan jenayah serius dengan implikasi yang sangat berat ke atas hak asasi manusia. Kerajaan-kerajaan bertanggungjawab untuk melindungi mangsa sebagai sebahagian daripada kewajipan mereka di bawah *Protokol untuk Mengelakkan, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak* (Protokol Pemerdagangan Manusia) dan instrumen antarabangsa yang lain, termasuk konvensyen antarabangsa tentang hak asasi manusia dan komitmen serantau. Perlindungan mangsa juga merupakan asas kepada tindakbalas perundangan jenayah yang berkesan terhadap jenayah, melainkan jika mangsa perlindungan dilindungi dengan sesuai, mereka tidak akan dipaksa untuk menyokong tindakan perundangan jenayah terhadap pelaku perdagangan.

Dalam menetapkan kewajipan terhadap perlindungan mangsa, Panduan Polisi ini mencadangkan agar Kerajaan-kerajaan mengambil **pendekatan yang mengutamakan mangsa** yang mengambil kira keperluan individu mangsa pemerdagangan dan menggubal tindakbalas perlindungan selari dengannya. Perlindungan mangsa tidak harus bersyarat, atau dikompromi oleh, penglibatan mereka dalam sistem perundangan jenayah. Pihak berkuasa kerajaan disokong dalam tugas mereka apabila mereka memahami cabaran-cabaran perlindungan, dan dilatih secara berkesan untuk mengambil kira cabaran-cabaran ini selari dengan rangka kerja undang-undang yang relevan dan amalan antarabangsa yang terbaik.

Untuk menjalankan operasi kewajipan perlindungan, Kerajaan-kerajaan harus melindungi mangsa perdagangan daripada bahaya yang lebih sejak dari pertemuan pertama sehingga suatu ketika di mana mereka mencapai satu tahap berdikari dari segi sosio-ekonomi. **Perlindungan awal** yang diberikan kepada mereka harus diberi perhatian kepada keperluan serta-merta mereka dan merangkumi juga jangka masa berfikir yang sesuai untuk membolehkan mereka mula pulih dari segi fizikal dan psikologi dari pengalaman mereka dan membuat keputusan tentang masa depan, termasuk sama ada mereka mahu terlibat dalam proses perundangan jenayah atau tidak. Bagi mereka yang sanggup dan berkebolehan berbuat demikian, ianya dianggap sebagai satu contoh yang baik untuk membolehkan pandangan dan kebimbangan mangsa diketengahkan, dipertimbangkan dan diberi perhatian pada setiap tahap proses ini. Oleh kerana ancaman kepada mangsa senantiasa berubah, pelan perlindungan harus dikemaskini pada asas **penilaian risiko**.

Penyelesaian perlindungan yang berkesan dan mampan boleh membantu mangsa mendapatkan semula autonomi mereka dan mengintegrasikan mereka semula dalam masyarakat dengan menjadi ahli yang berdikari dalam kehidupan ekonomi dan sosial masyarakat tersebut. Panduan ini memberi perhatian kepada akses untuk **pampasan** menerusi prosedur jenayah atau sivil sebagai faktor penting dalam pemulihan dan integrasi semula. Mangsa pemerdagangan transnasional mungkin pulang ke negara asal mereka, menetap dalam negara di mana mereka dikenalpasti, atau menetap di negara lain, berikutan jangka masa untuk berfikir dan pulih daripada pengalaman mereka, atau selepas penyelesaian tindakan jenayah terhadap pelaku perdagangan. Dalam mengenalpasti pilihan mana yang paling berkesan untuk menjaga kepentingan mangsa, ugutan tindakbalas atau kekerasan mesti diambil kira.

Biarpun kewajipan untuk melindungi mangsa perdagangan terletak pada Kerajaan-kerajaan, badan-badan lain boleh memainkan peranan yang penting dalam menyokong mereka untuk memenuhi kewajipan tersebut. **Penyelerasan** di antara dan di kalangan Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan adalah tersangat penting. Badan bukan kerajaan mungkin memiliki kemahiran-kemahiran yang khusus untuk membina kepercayaan dan kemesraan dengan mangsa, memahami keperluan perlindungan mereka, dan memberikan perkhidmatan yang berkesan dan komprehensif untuk memberi perhatian kepada mereka. Perlindungan yang berkesan mungkin juga memerlukan kerjasama di antara Kerajaan-kerajaan. Mekanisme kuat **kerjasama dua hala dan serantau** yang wujud di rantau Asia-Pasifik, termasuk “Bali Process,” adalah asas teguh di mana kerjasama berkaitan perlindungan perlu dibina. Panduan Polisi ini boleh dijadikan sebagai alat untuk menyokong Kerajaan-kerajaan dalam kerja penting mereka dalam menggubal prosedur perlindungan dan menyeragamkan mereka di serata rantau.

Seksyen 1:

Pengenalan kepada perlindungan mangsa perdagangan

1.1. Rangka kerja antarabangsa untuk melindungi mangsa perdagangan

Artikel 25 *Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu menentang Jenayah Terancang Transnasional* (Konvensyen Jenayah Terancang), mewajibkan Parti-parti Kerajaan untuk memberi bantuan dan perlindungan kepada mangsa, terutamanya dalam kes ugutan tindakbalas dan kekerasan, dan untuk menentukan prosedur yang bersesuaian yang membolehkan akses kepada pengembalian dan pampasan untuk mangsa. Perlindungan mangsa merupakan salah satu daripada maklumat yang dinyatakan dalam *Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak* (Protokol Pemerdagangan Manusia) sebagai penambahan kepada Konvensyen Jenayah Terancang. Artikel 6 Protokol Perdagangan Orang menentukan bahawa Kerajaan-kerajaan:

- Harus, dalam kes-kes sesuai dan setakat mana yang boleh, melindungi privasi dan identiti mangsa, termasuk merahsiakan prosiding undang-undang mereka (Artikel 6(1));
- Harus, dalam kes-kes yang sesuai, memberi mangsa maklumat tentang prosiding mahkamah dan pentadbiran, dan bantuan untuk mengemukakan pandangan serta sebarang kekhawatiran mereka dalam prosiding jenayah di mahkamah, dalam cara yang tidak memudaratkan pembelaan (Artikel 6(2));
- Harus membuat peruntukan bagi pemulihan fizikal, psikologi dan sosial, termasuk memberikan penginapan yang sesuai; kaunseling dan maklumat; bantuan perubatan, psikologi dan bahan; serta peluang pekerjaan, pendidikan dan latihan (Artikel 6(3));
- Harus berusaha untuk membuat peruntukan bagi keselamatan fizikal mangsa (Artikel 6(5));
- Harus memastikan bahawa sistem perundangan memberikan mangsa peluang untuk mendapatkan pampasan akibat kemudaratan yang ditanggung (Artikel 6(6)).

Protokol Perdagangan Orang juga menitikberatkan bahawa Kerajaan-kerajaan harus mengambil kira umur, jantina dan keperluan individu mangsa perdagangan, terutama sekali keperluan khas kanak-kanak, misalnya penginapan yang sesuai, pendidikan dan penjagaan (Artikel 6(4)).

Tip: Susulan prinsip-prinsip utama bagi perlindungan mangsa perdagangan

- Mangsa tidak seharusnya ditahan, dituduh atau didakwa untuk memasuki atau menetap di sesebuah Negara secara tidak sah, atau perbuatan-perbuatan lain yang menyalahi undang-undang atau jenayah yang mungkin telah mereka lakukan sebagai akibat langsung diri mereka diperdagangkan
- Mangsa harus memiliki akses kepada penjagaan fizikal dan psikologi
- Mangsa harus diberikan bantuan guaman dan lain-lain jenis bantuan sepanjang sebarang prosiding jenayah, sivil atau lain-lain tindakan mahkamah
- Mangsa pemerdagangan kanak-kanak harus diberikan bantuan dan perlindungan yang sesuai, selari dengan kelemahan khusus diri mereka, hak asasi serta keperluan mereka
- Mangsa harus dijamin pemulangan yang selamat (dan di mana boleh, bersifat sukarela) oleh Negara penerima dan Negara asal
- Mangsa harus diberi akses kepada penyelesaian dari segi undang-undang yang berkesandian bersesuaian

Sila rujuk *Prinsip dan Panduan tentang Hak Asasi dan Pemerdagangan Manusia yang disarankan oleh Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR)*



Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Protokol Perdagangan Manusia harus difahami dalam konteks yang lebih luas berdasarkan rangka kerja antarabangsa yang bersifat normatif untuk bantuan dan perlindungan mangsa perdagangan. Berdasarkan Artikel 14(1), Protokol tersebut harus difahami selari dengan undang-undang antarabangsa, termasuk undang-undang hak asasi antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan.

Konvensyen berkaitan Status Pelarian 1951 dan Protokol berkaitan Status Pelarian 1967 and prinsip *tiada-pemulangan* merujuk secara spesifik untuk menitikberatkan bahawa Kerajaan-kerajaan tidak

boleh melepaskan atau memulangkan seseorang pelarian atau pemohon suaka ke suatu tempat di mana kehidupannya atau kebebasannya akan terancam berdasarkan bangsa, agama, kerakyatan, keahlian kepada sesebuah kumpulan sosial atau pendapat politikal.¹ Tambahan dari itu, Artikel 14(2) Protokol Perdagangan Manusia menerangkan bahawa langkah-langkah yang diambil dalam implementasinya mestilah selari dengan prinsip-prinsip antarabangsa untuk tidak bertindak diskriminasi, bermakna bahawa seseorang tidak boleh mendiskriminasi seseorang berdasarkan sebarang perwatakannya, termasuk status migrasi atau status lain.

Tip: Mengoperasikan peruntukan perlindungan dalam undang-undang antara-bangsa:

Kerajaan-kerajaan digalakkan mengikut contoh Kerajaan-kerajaan yang melangkaui standard minimum yang diberikan dalam Protokol Perdagangan Manusia, misalnya dengan memperkenalkan skim pampasan berasingan daripada dan di samping prosiding jenayah.

Tiada pemulangan semula dalam perlindungan mangsa

Kerajaan-kerajaan mempunyai kewajiban untuk tidak memulangkan seseorang kepada wilayah di mana wujud risiko bahawa kehidupan atau kebebasannya akan diancam, atau seseorang itu akan dianiaya, adalah tertakluk kepada semua orang dan mempunyai implikasi untuk melindungi mangsa perdagangan.² Secara spesifiknya berkaitan kanak-kanak, Jawatankuasa Hak Asasi Kanak-kanak telah menetapkan bahawa: "Pemulangan ke negara asal bukan merupakan suatu pilihan jika ianya akan membawa kepada 'risiko yang wajar' bahawa pemulangan sebegitu akan mengakibatkan pencabulan hak asasi kanak-kanak yang asas, dan, khususnya, jika prinsip pemulangan diaplikasikan. Pemulangan ke negara asal harus pada prinsipnya hanya boleh diatur jika pemulangan sebegitu mengambil kira kepentingan kanak-kanak tersebut. " ³

Berkenaan dengan mangsa perdagangan kanak-kanak, Artikel 39 Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak (CRC) mewajibkan Kerajaan-kerajaan untuk memberi tumpuan kepada pemulihan fizikal dan psikologi serta proses integrasi sosial mangsa kanak-kanak. Artikel 3 CRC mewajibkan Kerajaan-kerajaan untuk mempertimbangkan kepentingan utama kanak-kanak tersebut dalam segala perkara yang berkaitan dengan kanak-kanak. Pertimbangan untuk kepentingan utama seseorang kanak-kanak perlu diintegrasikan secara

¹ Sila rujuk Artikel 33(1) Konvensyen Pelarian berkenaan Status Pelarian 1951, Artikel 3 Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Artikel 16 Konvensyen Antarabangsa untuk Perlindungan Semua Orang dari Kehilangan yang Dipaksa. Sila lihat juga Artikel 7 Perjanjian Antarabangsa tentang Hak-hak Sivik dan Politik, yang Jawatankuasa Hak Asasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mentafsir sebagai melibatkan larangan pemulangan semula. Sila rujuk: Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi (HRC), CCPR Komen Am No.20: Artikel 7 (Larangan Penyeksaan, atau Layanan Kejam, Tidak berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah atau Hukuman) 10 Mac 1992, perenggan 9.

² Konvensyen Pelarian berkaitan Status Pelarian Artikel 33(1). Sila rujuk juga Protokol Perdagangan Manusia, Artikel 14, dan Perjanjian Antarabangsa tentang Hak-hak Sivik dan Politik 16 Disember 1966, Artikel-artikel 6 and 7. Prinsip tiada pemulangan telah juga menjadi peraturan untuk undang-undang antarabangsa.

³ Jawatankuasa tentang Hak Asasi Kanak-kanak, Komen Am No. 6, (2005), *Layanan kanak-kanak yang tidak diiringi dan yang terpisah di luar negara asal mereka*, Perenggan 84. Kerajaan-kerajaan harus memastikan bahawa pihak berkuasa yang ditugaskan untuk menentukan kepentingan utama kanak-kanak tersebut boleh berbuat demikian tanpa mempertimbangkan kepentingan kanak-kanak tersebut dengan kepentingan lain, termasuk kepentingan Kerajaan. Untuk maklumat lanjut, sila lihat *Garis panduan UNHCR tentang Menentukan Kepentingan Utama Kanak-kanak*, UNHCR, Mei 2008, available at: <http://www.refworld.org/docid/48480c342.html>

formal dalam prosedur dan garis panduan untuk membantu dan melindungi mangsa perdagangan kanak-kanak. Di mana mangsa pemerdagangan telah disyaki dengan sewajarnya berumur 18 tahun ke bawah, beliau harus layak diberikan standard pertolongan yang lebih tinggi untuk bantuan dan perlindungan yang ditawarkan kepada mangsa kanak-kanak tanpa keperluan untuk membuktikan umurnya, sehingga umurnya boleh dipastikan melalui penilaian umur yang sesuai.

Semua individu dalam kawasan pentadbiran Kerajaan, termasuk mereka yang bukan warganegara, memiliki hak asasi kemanusiaan yang asas. *Perjanjian Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik* (ICCPR) yang menentukan hak untuk dibebaskan daripada perhambaan, diperhambakan dan buruh paksa, menetapkan hak kepada penyelesaian yang berkesan untuk mereka yang haknya yang dinyatakan di bawah Konvensyen tersebut telah dicabul. Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi telah menyatakan bahawa hak kepada penyelesaian yang berkesan merangkumi suatu kewajipan untuk membawa si pelaku ke muka pengadilan, dan untuk memberikan pemulangan yang sesuai kepada mangsa-mangsa.

Terdapat pelbagai jenis kebiasaan dan standard yang menitikberatkan kewajipan Kerajaan-kerajaan untuk melindungi mangsa-mangsa yang bukan warganegara dan saksi-saksi.⁴ Dalam pada itu, Artikel 5(b) *Konvensyen Antarabangsa tentang Pembasmian Diskriminasi Bangsa* dan Artikel 16(2) *Konvensyen Antarabangsa tentang Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Ahli-ahli Keluarga Mereka* adalah sangat relevan. Di bawah peruntukan-peruntukan ini, ahli-ahli Kerajaan dikehendaki memberikan perlindungan perundangan jenayah yang berkesan kepada semua orang, termasuk mereka yang berada dalam situasi yang luar dari kebiasaan, mereka yang tertakluk kepada keganasan fizikal dan seksual, sama ada dikenakan oleh pegawai Kerajaan ataupun sektor swasta.

Beberapa Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) boleh juga digunapakai. *Konvensyen No. 29 tentang Buruh Paksa atau Dimestikan* (1930) dan Protokol 2014 *Protokol tersebut* (Jun 2014), mempunyai kesan untuk memperkuatkan perlindungan untuk mangsa buruh paksa dan perdagangan manusia. Saranan No. 203 tentang Buruh Paksa (Tindakan Penambahan) menetapkan tindakan-tindakan perlindungan termasuk pampasan untuk mangsa, dan Konvensyen No. 182 *tentang Bentuk Buruh Kanak-kanak yang Paling Teruk mengambil kira perlindungan kanak-kanak. Tambahan pula, Konvensyen No. 189 tentang Pekerjaan yang Baik untuk Pekerja Pembantu Rumah* (2011) memerlukan Negara-negara Ahli untuk mementingkan dan melindungi hak asasi semua pembantu rumah dengan menetapkan kontrak, dengan memastikan bahawa para pekerja memiliki hak untuk menyimpan dokumen-dokumen perjalanan dan pengenalan mereka, dan dengan mengawal agensi-agensi pekerjaan swasta.

1.2. Cabaran-cabaran Perlindungan

Mangsa pemerdagangan⁵ - tidak kira status migrasi atau status lain mereka - perlu dilindungi dari bahaya yang selanjutnya. Kerajaan-kerajaan diwajibkan melindungi mangsa-mangsa agar dapat menegakkan hak asasi mereka. Perlindungan mangsa, termasuk perlindungan mangsa yang bertindak sebagai saksi semasa perbicaraan jenayah, juga merupakan asas kepada tindakbalas yang berkesan dan menyeluruh terhadap perdagangan manusia seperti yang ditakrifkan dalam Artikel 3 Protokol Perdagangan Orang.⁶

⁴ Sebagai contoh, peruntukan perlindungan mangsa dan saksi dalam Deklarasi Prinsip-prinsip Asas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Keadilan bagi Mangsa-mangsa Jenayah dan Salahguna Kuasa, A/RES/40/34, (29 November 1985), (Artikel 6(d)); Garispanduan Undang-undang tentang Perkara-perkara yang melibatkan Mangsa Kanak-kanak dan saksi (Nos. 32-34); Artikel-artikel 24 hingga 26 UNTOC; Artikel-artikel 6 hingga 8 Protokol Pemerdagangan Manusia; Artikel 16(2) Protokol Menentang Penyeledupan Migran melalui Darat, Air dan Udara, sebagai penambahan kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menentang Jenayah Terancang Transnasional (Protokol Penyeledupan Migran); dan Artikel 32 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Rasuah, 31 Oktober 2003, A/58/422.

⁵ Sepanjang dokumen ini, istilah 'pemerdagangan manusia' digunakan untuk merujuk kepada 'pemerdagangan orang' seperti yang ditakrifkan dalam Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Manusia, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak (Protokol Pemerdagangan Manusia), sila juga rujuk Panduan Polisi tentang Pengenalpastian Mangsa, Bali Process, 2015.

⁶ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Polisi tentang Memperjenayahkan Pemerdagangan Manusia, Bali Process, 2014.

Selepas cabaran-cabaran awal pengenalpastian mangsa pemerdagangan yang disyaki,⁷ terdapat beberapa cabaran tambahan yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan dalam memenuhi kewajiban perlindungan mereka. Mangsa-mangsa perdagangan mungkin berat menerima perlindungan Kerajaan, untuk sebab-sebab yang sama dengan sebab-sebab mengapa mereka tidak mahu dikenalpasti oleh pihak berkuasa nasional.⁸ Mangsa-mangsa mungkin kurang percaya dan yakin dengan institusi-institusi Kerajaan dan kemampuan mereka untuk melindungi mangsa dan keluarga mereka daripada bahaya, tertumanya di mana keluarga-keluarga mereka berada di Negara lain atau kawasan pentadbiran yang lain. Sesetengah mangsa mungkin lebih rela berada dalam situasi di bawah kawalan pelaku perdagangan mereka berbanding dengan bekerjasama dengan pihak berkuasa kerajaan, Disebabkan mangsa-mangsa mempunyai umur, seks, jantina, status ekonomi, pendidikan dan latar belakang kekeluargaan yang berbeza, dan memiliki pengalaman, motivasi dan matlamat berlainan, penyelesaian umum mungkin tidak berkesan.⁹ Mereka yang bukan warganegara yang tidak memiliki hak untuk menetap di negara di mana mereka dikenalpasti mungkin menghadapi halangan-halangan untuk mendapat akses kepada perkhidmatan perlindungan, termasuk akses kepada pampasan atau memohon tuntutan, tetapi semua orang, tidak kira status migrasinya, adalah berhak untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.¹⁰

1.3. Pertimbangan-pertimbangan dalam perlindungan: Kewajipan dan kepentingan utama

Perlindungan merupakan komponen yang sangat penting dalam tindakbalas yang menyeluruh terhadap perdagangan manusia.¹¹ Melainkan jika mangsa pemerdagangan dilindungi dengan berkesan, mereka akan terus dieksploitasi, tidak akan pulih daripada eksploitasi mereka, atau jatuh ke dalam kitaran pemerdagangan semula. Kerajaan-kerajaan wajib melindungi para mangsa, tidak kira sama ada mereka bersetuju untuk menyumbang kepada proses-proses perundangan jenayah. Di mana mangsa sanggup mengambil bahagian dalam penyiasatan atau pendakwaan, kenyataan mereka mungkin sangat berharga untuk menyumbangkan kepada kepentingan Kerajaan-kerajaan dalam mencari, menyiasat dan mendakwa pelaku perdagangan, yang menggalakkan pencegahan dan mengelakkan jenayah. Memastikan bahawa mangsa dilindungi dengan berkesan meningkatkan peluang mereka untuk menyumbang kepada usaha-usaha pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang untuk membawa pelaku perdagangan ke muka pengadilan.

Untuk memastikan keberkesanan tindakbalas ini, Kerajaan seharusnya memberi tumpuan kepada mangsa dan bersifat menyeluruh, dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan setiap mangsa individu. Pertimbangan-pertimbangan utama untuk pelan-pelan perlindungan dan bantuan merangkumi yang berikut:

- Sesetengah mangsa ingin pulang ke rumah dan bersatu dengan keluarga mereka semula. Ada yang tidak boleh pulang serta-merta ke pangkuan masyarakat mereka, dan mungkin perlu diberi kaunseling, mendapatkan rawatan perubatan dan psikologi, dan/atau memohon untuk tindakan undang-undang, termasuk penglibatan dalam penyiasatan dan pendakwaan kes-kes pemerdagangan
- Sesetengah mangsa tidak boleh pulang sama sekali kerana pelaku yang mengambilnya atau orang lain dalam negara asal mereka masih merupakan ancaman kepada mereka. Dalam kes-kes sebegini langkah terbaik adalah untuk memberikan mereka perlindungan yang mampan dalam Negara-negara di mana mereka telah dikenalpasti atau dalam Negara yang ketiga
- Perkhidmatan perlindungan Kerajaan-kerajaan tidak seharusnya mengecualikan beberapa kategori individu, misalnya orang lelaki atau mangsa pemerdagangan domestik

⁷ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Polisi tentang Pengenalpastian Mangsa Pemerdagangan, Bali Process, 2015.

⁸ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Polisi tentang Pengenalpastian Mangsa Pemerdagangan, Bali Process, 2015 Seksyen 2.2.

⁹ Dalam beberapa negara, perkhidmatan yang tidak mencukupi wujud untuk mangsa pemerdagangan bergantung kepada perwatakan peribadi mereka. Misalnya, penginapan di fasiliti rumah selamat hanya boleh menempatkan mangsa perempuan.

¹⁰ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Polisi tentang Pengenalpastian Mangsa Pemerdagangan, Bali Process, 2015 Seksyen 2.2.

¹¹ Sila rujuk Panduan Polisi tentang Pengenalpastian Mangsa Pemerdagangan, Bali Process, 2015 Seksyen 2.1 "Mengapa pengenalanpastian adalah penting"

- Perlindungan perlu digubal menurut keperluan-keperluan individu dan menggunakan perkhidmatan pemberi kemahiran dan pengalaman yang spesifik dalam berhadapan dengan cabaran-cabaran tertentu yang dihadapi oleh mangsa-mangsa pemerdagangan. Seseengah individu mungkin berada dalam risiko tindakbalas daripada pelaku perdagangan, sementara ada yang menghadapi halangan untuk perlindungan yang perlu diambil kira. Ada mangsa yang mungkin memerlukan lebih masa daripada orang lain untuk pulih, atau memerlukan akses kepada perkhidmatan yang tertentu untuk membantu mereka berbuat sedemikian
- Memastikan bahawa mangsa-mangsa akan menerima perlindungan yang khusus lazimnya memerlukan kerjasama dengan pihak-pihak bukan kerajaan yang khusus yang boleh membantu Kerajaan-kerajaan dalam memenuhi kewajiban mereka untuk melindungi mangsa
- Mangsa harus memiliki autonomi dan terlibat dalam keputusan yang berkaitan dengan bantuan dan perlindungan mereka. Pertimbangan harus diberikan kepada sesebuah keperluan mangsa individu, termasuk yang timbul dari umur, seks, jantina orientasi seksual, kerakyatan, asal usul etnik atau sosial, kurang upaya dan perwatakan-perwatakan lain.

Keperluan perlindungan mangsa mungkin berubah dari ketika mereka dikenalpasti sehingga sebarang penglibatan dalam proses-proses perundangan jenayah, dan berikutan penyelesaian prosedur-prosedur yang sedemikian. Selari dengan ini, Kerajaan-kerajaan harus terus membuat analisis risiko untuk memastikan bahawa perkhidmatan perlindungan mereka boleh diubahsuai apabila keperluan-keperluan berubah.

Memandangkan bahawa pemerdagangan manusia biasanya merupakan jenayah yang merentasi sempadan, adalah penting untuk memastikan bahawa: a) perlindungan mangsa boleh digunapakai kepada kedua-dua mangsa nasional dan bukan nasional; dan b) kerjasama antarabangsa ditetapkan pada tahap dua hala, serantau dan pelbagai hala, selari dengan peruntukan-peruntukan Konvensyen Jenayah Terancang dan Protokol Pemerdagangan Manusia, untuk memastikan bahawa isu-isu sempadan dan kawasan pentadbiran tidak menghalang kemampuan Kerajaan untuk memenuhi kewajibannya untuk melindungi mangsa. Agen-agen konsular dalam Negara penerima mungkin juga memainkan peranan yang penting dalam pengenalpastian mangsa dan memberikan mereka bantuan dan perlindungan serta merta pada ketika pertemuan pertama, dan harus dilengkapi untuk berbuat demikian.¹²

Aplikasi pendekatan yang menitikberatkan mangsa harus berdasarkan pertimbangan-pertimbangan utama tentang keselamatan, kerahsiaan dan tidak berdiskriminasi, tidak kira sama ada mangsa melibatkan diri dalam proses perundangan jenayah.

Keselamatan: Pelaku perdagangan menimbulkan risiko-risiko yang tinggi bukan sahaja kepada mangsa tetapi juga kepada keluarga mereka.

- Keselamatan peribadi mangsa dan keluarga mereka dan orang lain perlu diberikan.

Kerahsiaan: Pelanggaran kerahsiaan boleh mengkompromi keselamatan mangsa pemerdagangan dan keluarga mereka. Mangsa biasanya takut akan stigma dari orang ramai dan keluarga mereka, terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan ekplotasi seksual. Untuk menjawab kebimbangan ini:

- Maklumat harus hanya dikongsi apabila mangsa memberi kebenaran dan harus dihadkan kepada seberapa orang yang boleh untuk memastikan kerahsiaan maklumat mangsa.
- Di mana mangsa membenarkan maklumatnya dikongsi dengan agensi yang khusus untuk bantuan selanjutnya, agensi-agensi yang berkenaan dan orang lain yang terlibat, seperti media, seharusnya

¹² Sila rujuk: *Panduan Pengenalpastian Mangsa Pemerdagangan Manusia: Terutamanya untuk Pkhidmatan Konsular dan Pengawal Sempadan*, 2013.

Tiada diskriminasi: Langkah-langkah penjagaan untuk melindungi mangsa pemerdagangan harus dilanjutkan kepada semua mangsa, tanpa sebarang diskriminasi.

- Mangsa yang diperdagangkan perlu dilindungi, tidak kira perwatakan peribadi mereka.¹³
- Kerajaan-kerajaan tidak hanya harus mengelak daripada mendiskriminasi, tetapi juga mengambil langkah-langkah positif untuk membasmi semua bentuk diskriminasi oleh kedua-dua pihak swasta dan Kerajaan yang terlibat dalam perlindungan mangsa.

Tip: Pastikan pendekatan-pendekatan perlindungan menitikberatkan mangsa

Pastikan pendekatan-pendekatan untuk melindungi mangsa pemerdagangan menitikberatkan mangsa. Dengan mengambil kira keselamatan mangsa dan keluarga mereka, dan kerahsiaan maklumat yang berkenaan dengan mereka. Program perlindungan mangsa harus diaplikasi kepada semua mangsa pemerdagangan atas dasar tiada diskriminasi dan harus berubah dengan fleksibel kepada keperluan individu mangsa, termasuk kerjasama yang berkesan dengan Badan Bukan Kerajaan yang khusus.

¹³ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Seksyen 1.2.

Seksyen 2:

Mengoperasikan Perlindungan

Mangsa perdagangan mungkin memerlukan perlindungan dalam tiga konteks utama:

1. Perlindungan awal
2. Semasa prosedur perundangan jenayah
3. Atas dasar yang kukuh, untuk memudahkan reintegrasi semula.¹⁴

Keperluan perlindungan seseorang mangsa akan berubah, menjadikannya ia sangat penting untuk Kerajaan-kerajaan untuk menjalankan penilaian risiko pada setiap tahap untuk memastikan perkhidmatan perlindungan yang digubal dengan bersesuaian dengan keperluan mereka yang berbeza.

2.1. Perlindungan awal

Bentuk perlindungan yang diberi apabila seseorang mangsa yang disyaki dikenalpasti adalah sangat penting dalam menentukan keberkesanan yang seterusnya untuk pelan perlindungan yang dilaksanakan oleh pemberi perkhidmatan. Khususnya, langkah-langkah perlindungan yang diambil pada tahap ini tersangat penting untuk membina satu perhubungan yang berasaskan kepercayaan dan kerjasama antara mangsa perdagangan dan pemberi perkhidmatan. Peruntukan perlindungan yang selamat dan memadai untuk keperluan mangsa perdagangan tidak seharusnya bergantung kepada kesanggupan mereka untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa.

Objektif utama pada tahap ini adalah untuk mengenalpasti dan menumpukan kepada **keperluan serta-merta** dan kebimbangan mangsa pemerdagangan. Ini termasuk:

- Privasi, keselamatan dan sekuriti mangsa dan keluarga atau kawan karib
- Akses kepada keperluan asas seperti makanan, pakaian dan penginapan yang selamat
- Komunikasi dengan keluarga dan pencarian ahli keluarga, di mana tiada sebab untuk mengesyaki penglibatan mereka dalam aktiviti pemerdagangan, dan di mana komunikasi sedemikian merupakan selamat untuk mangsa atau keluarganya
- Perhatian perubatan yang segera
- Nasihat perundangan dan migrasi

Pada tahap inilah mangsa pemerdagangan secara idealnya diberikan maklumat terperinci tentang hak mereka, serta juga skop, bentuk dan fungsi program bantuan dan perlindungan dan kewajiban serta tanggungjawab yang terlibat. Maklumat tersebut harus diberikan apabila mangsa pemerdagangan berada dalam kedudukan yang stabil untuk membezakan secara secukupnya dan memahami semua maklumat yang diberikan. Kewujudan penterjemah/jurubahasa mungkin juga perlu jika mangsa pemerdagangan tidak boleh bertutur bahasa tempat di mana mereka dikenalpasti. Memberikan mereka

Tip: Lindungi mangsa tidak kira sama ada mereka bekerjasama atau tidak

Kerajaan-kerajaan harus menegakkan kewajiban mereka untuk melindungi mangsa, tidak kira status migrasi atau status lain mereka, dan kesanggupan mereka untuk mengambil bahagian dalam prosiding perundangan jenayah.

¹⁴ Untuk maklumat tentang pengenalan mangsa pemerdagangan pada ketika pertemuan pertama dan sepanjang temuduga-temuduga (termasuk mereka yang dilaksanakan untuk objektif-objektif perundangan jenayah), sila rujuk Panduan Polisi tentang Pengenalpastian Mangsa Pemerdagangan Bali Process, 2015.

maklumat tentang kewujudan bantuan yang ada mungkin dapat melegakan keresahan mangsa perdagangan dan menolong mereka membuat keputusan tentang langkah-langkah dan proses-proses seterusnya. Tahap-tahap penjagaan awal ini merupakan sangat penting dalam menentukan asas untuk sokongan yang mampan dan bersifat jangka panjang, dan untuk memperkuat mangsa untuk membuat keputusan tentang jenis perlindungan yang mereka kehendaki dan sama ada mereka akan melibatkan diri dalam proses perundangan jenayah. Mangsa yang disyaki kanak-kanak harus dirujuk kepada pihak berkuasa perlindungan kanak-kanak dengan segera untuk melakukan penilaian umur, melantik penjaga sah, dan menjalankan pertimbangan kepentingan utama dalam melakukan perancangan penjagaan sementara yang bersesuaian. Jika kanak-kanak tidak diiringi, keputusan mesti dibuat sama ada penjaganya boleh mewakili kepentingan utama kanak-kanak tersebut, misalnya jika penjaga tersebut disyaki terlibat dalam pemerdagangan dan eksploitasi kanak-kanak tersebut.¹⁵ Tanggjawab penjaga termasuk memastikan bahawa kanak-kanak tersebut mendapati penjagaan yang sesuai, penginapan, penjagaan kesihatan, sokongan psiko-sosial, pendidikan dan sokongan bahasa, dan memastikan bahawa kanak-kanak tersebut diberitahu hak-hak dirinya, dan mambantu dalam pengenalpastian penyelesaian perlindungan yang mampan adalah terbaik untuk kepentingan utama kanak-kanak tersebut.¹⁶



Amaran:

Terdapat risiko yang pelaku perdagangan akan cuba memasuki program bantuan atau memperoleh maklumat tentang lokasi seseorang mangsa. Pemberi perkhidmatan mesti peka kepada risiko ini dan tidak memberikan sebarang maklumat kepada mereka yang identiti dan kelulusan tidak diketahui.

Mereka yang berada di titik pertemuan pertama dengan mangsa pemerdagangan yang disyaki harus mengambil langkah-langkah untuk melindungi keselamatan mangsa yang mungkin, termasuk para anggota kaki tangan yang berhubung dengan mangsa. Melalui proses analisa risiko, langkah-langkah yang bersesuaian harus dikuatkuasakan untuk menguruskan risiko-risiko tersebut. Langkah-langkah keselamatan boleh merangkumi kehadiran para anggota kaki tangan keselamatan atau komunikasi dan kerjasama langsung dengan polis, kehad-

iran kaki tangan syarikat keselamatan swasta di rumah perlindungan. Di mana mangsa diletakkan dalam penginapan bukan perlindungan, penilaian risiko yang dijalankan perlu mengambil kira cabaran-cabaran keselamatan yang mungkin wujud untuk mangsa, keluarga dan kawan-kawan pemberi perkhidmatan, termasuk akses kepada komunikasi dan kebolehpercayaan dan kecekapan polis tempatan. Adalah sangat penting untuk semua kaki tangan yang terlibat dalam memberi bantuan kepada mangsa-mangsa telah diberi taklimat keselamatan dan sering diberitahu tentang risiko kepada mangsa dan kepada diri mereka.¹⁷ Maklumat tentang mangsa dan keadaan mereka hanya boleh dikongsi jika perlu, bermakna anggota kaki tangan hanya diberi-

Tip: Berikan masa berfikir kepada mangsa pemerdagangan

Berikan masa berfikir kepada mangsa pemerdagangan untuk membolehkan mereka mula pulih daripada pengalaman mereka. Tempoh berfikir dan bantuan yang berkaitan, termasuk visa sementara bagi mangsa pemerdagangan transnasional, perlu diberikan tidak kira sama ada mangsa sanggup atau tidak untuk melibatkan diri dalam prosiding menentang pelaku perdagangan.

¹⁵ Kanak-kanak harus dirunding untuk mengenalpasti apa yang merupakan kepentingan mereka. Artikel 12 Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak (CRC) memastikan bahawa pandangan kanak-kanak harus diberi kepentingan yang sewajarnya, selari dengan umur dan tahap kematangan kanak-kanak tersebut. Dalam berunding dengan kanak-kanak, pertimbangan harus juga diberi kepada Artikel 16 CRC, melindungi kanak-kanak daripada gangguan yang tidak menentu atau tidak sah dari segi undang-undang ke atas privasi, keluarga atau perutusan surat, dan Artikel 17 tentang kewajiban Kerajaan untuk menjamin hak asasi kanak-kanak untuk mendapatkan akses kepada maklumat.

¹⁶ Sila lihat *Garispanduan tentang Perlindungan Mangsa Perdagangan Kanak-kanak*, nota teknikal UNICEF, UNICEF, 2006, pp.16-17.

¹⁷ Sila rujuk Buku Panduan IOM tentang *Bantuan Langsung untuk Mangsa Perdagangan*, IOM, 2005, Seksyen 4.2.6.

kan maklumat yang mereka perlu ketahui sahaja bagi tujuan menjalankan tugas mereka. Mangsa-mangsa pemerdagangan mungkin diberikan **penginapan selamat** dalam rumah perlindungan atau lokasi lain yang bersesuaian dengan keperluan-keperluan mereka dan harus diberi kebebasan bergerak. Mereka tidak seharusnya ditahan dalam kemudahan yang berkunci, sama ada dalam pusat tahanan imigresen, penjara atau kemudahan lain di mana mereka tidak bebas untuk keluar masuk.¹⁸ Mangsa-mangsa mungkin juga memerlukan pemerhatian perubatan yang segera, dan akses kepada penjagaan kesihatan, termasuk akses kepada bantuan dan sokongan perundangan dan migrasi.

Kepastian yang kukuh telah dibuat bahawa disebabkan sifat trauma jenayah jenis ini, mangsa pemerdagangan harus diberi **‘tempoh berfikir’** untuk mula pulih daripada pengalaman mereka dan membuat keputusan sama ada untuk membantu dalam penyiasatan atau pendakwaan. Tempoh berfikir berbeza antara Negara-negara, lazimnya antara 30 hingga 90 hari.¹⁹ Cabaran tambahan timbul apabila mangsa pemerdagangan adalah bukan warganegara yang mempunyai status tidak sah dalam Negara tersebut. Pelan perlindungan untuk warga negara asing mungkin memerlukan pemberian visa sementara untuk membolehkan seseorang itu menetap dalam negara tersebut untuk tempoh berfikir.

Jika mangsa diberikan bantuan dan masa yang mencukupi untuk pulih, dan membuat keputusan tentang masa depan mereka, mereka akan lebih rela dan berkemampuan untuk menyokong proses perundangan jenayah. Sebilangan besar Kerajaan-kerajaan membuat perancangan untuk visa tetap yang diberikan kepada mangsa untuk membolehkan mereka menetap dalam negara tersebut, misalnya apabila seseorang mangsa telah menyumbang terhadap penyiasatan dan/atau pendakwaan pelaku perdagangan dan akan berada dalam bahaya jika mereka pulang ke negara asal.

Tip: Lindungi mangsa pemerdagangan manusia yang selari dengan contoh terbaik

Garis panduan 6 Prinsip dan Garispanduan yang Disarankan tentang Perdagangan Pejabat Pesuruhjaya untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR) menasihati bahawa Kerajaan-kerajaan, dan di mana berkenaan pertubuhan antara kerajaan dan bukan kerajaan, harus mempertimbangkan:

- Memastikan mangsa tidak akan ditahan dalam sebarang bentuk kemudahan tahanan atau tahanan yang lain
- Memastikan mangsa tidak wajib menerima perkhidmatan perlindungan atau bantuan yang mereka tidak bersetuju menerima
- Beritahu mangsa tentang hak mereka untuk mendapatkan perwakilan diplomatik dan konsular dari Negara kerakyatan mereka
- Melindungi mangsa dari sebarang ugutan, bahaya atau tindakbalas dari pelaku perdagangan, termasuk menghormati privasi dan tidak memberitahu identiti mereka

2.2. Perlindungan melalui proses perundangan jenayah

Mangsa tidak harus dipaksa untuk mengambil bahagian dalam proses perundangan jenayah, tetapi harus dibantu untuk membuat keputusan sama ada ingin atau tidak. Bagi mangsa yang rela dan berkemampuan untuk menyumbang kepada penyiasatan dan pendakwaan pelaku perdagangan, pertimbangan perlindungan yang khusus akan dikenakan.

¹⁸ Sila lihat juga *Prinsip dan Garispanduan yang Disarankan tentang Hak Asasi dan Perdagangan Manusia* (E/2002/68/Add.1), Persurujayaan Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Hak Asasi, Garispanduan 6(1).

¹⁹ Sila lihat untuk contoh *Cathy Zimmerman et al., Stolen Smiles: Kesan Fizikal dan Psikologi ke atas wanita dan remaja yang diperdagangkan ke Eropah*, Sekolah Kesihatan dan Perubatan Tropika, London, 2006, p.3.

Pendakwaan untuk pemerdagangan manusia dan jenayah yang berkaitan biasanya bergantung kepada keterangan saksi apabila dalam ketiadaan bukti yang berkaitan, bermakna bahawa mereka tidak mungkin berjaya tanpa penglibatan mangsa. Jika mangsa tidak boleh memberi keterangan yang boleh dipercayai, atau berat memberi keterangan sama sekali, mungkin membawa kesan yang buruk ke atas kemungkinan pendakwaan atau keputusan perbicaraan dan menjejaskan peluang Kerajaan untuk mensabitkan kesalahan.

Kemampuan sesebuah Kerajaan untuk memberikan mangsa akses kepada penyelesaian yang berkesan mungkin dikompromi di mana mangsa tidak disokong untuk mendapatkan kepuasan maksimum menerusi proses-proses perundangan.²⁰ Memastikan yang mangsa diberi sokongan dan perlindungan yang bersesuaian sepanjang setiap tahap proses perundangan bukan hanya kunci kepada perlindungan hak-hak mereka sebagai mangsa jenayah, tetapi juga perlu untuk sumbangan mereka yang selamat, berkesan dan berharga terhadap pendakwaan pelaku perdagangan.

Tip: Jalankan penilaian risiko sepanjang proses perundangan jenayah
Keperluan-keperluan perlindungan mangsa akan berbeza sebelum, semasa dan selepas perbicaraan. Selari dengan itu, langkah terbaik adalah untuk Kerajaan menjalankan penilaian risiko pada setiap tahap proses tersebut untuk memastikan bahawa perkhidmatan perlindungan yang diberikan kepada mangsa diubahsuai secara berkesan untuk menumpukan kepada keperluan perlindungan mereka yang berubah.

Perlindungan Pra-perbicaraan

Sebagai sebahagian daripada pemerolehan penyelesaian yang berkesan untuk diri mereka, mangsa pemerdagangan mungkin ingin mendapatkan keadilan untuk melibatkan diri dalam proses perundangan jenayah. Dalam kebanyakan kes, mereka akan terlibat sebagai pengadu dan saksi yang bermakna kehadiran mereka diperlukan semasa penyiasatan dan, dalam beberapa kes, prosiding mahkamah.

Sebuah komponen utama perlindungan akan berlaku sebelum perbicaraan bermula pada fasa penyiasatan dan persiapan kes. Mangsa-mangsa perlu terus dimaklumkan, misalnya dengan menerangkan kepada mereka apa yang berlaku, masa yang mungkin diambil oleh proses-proses, sebab mengapa harta peribadi mereka mungkin diambil dari mereka untuk digunakan sebagai bukti, dan harta peribadi tersebut akan dipulangkan. Dalam fasa pra-perbicaraan, mangsa boleh disiapkan untuk fasa perbicaraan, yang mungkin termasuk pemberian bukti sebagai saksi, menerusi pemberian kauceling dan sokongan emosi yang lain. Sokongan ini harus dilanjutkan kepada fasa perbicaraan.

Dalam beberapa Negara, wujud undang-undang untuk memberi sokongan kepada mangsa-saksi yang lemah sebelum perbicaraan. Sokongan sedemikian mungkin termasuk pengambilan seseorang yang berkelulusan untuk menyiapkan mangsa untuk perbicaraan, termasuk mengiringi mereka ke mahkamah, memberi penerangan tentang prosedur mahkamah dan menolong mereka memahami soalan-soalan yang mungkin ditanyakan.

Tip: Berikan sokongan pra-perbicaraan kepada mangsa dan saksi pemerdagangan manusia
Peruntukan perlindungan Protokol Pemerdagangan Manusia meletakkan standard minimum untuk sokongan pra-perbicaraan kepada mangsa dan saksi pemerdagangan manusia. Kerajaan-kerajaan harus menetapkan proses rasmi untuk memberikan sokongan sedemikian. Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan persatuan kemasyarakatan sivil yang memahami sistem perundangan jenayah dan mempunyai latihan pengkhususan dalam memberikan sokongan kepada mangsa yang mungkin boleh membantu dalam pemberian perkhidmatan sokongan yang sedemikian.

²⁰ Sila lihat Seksyen 1.1. di atas tentang kewajiban Kerajaan untuk melindungi mangsa dan seksyen 2.1 tentang kepentingan mereka untuk berbuat sedemikian

Di mana bersesuaian dan selari dengan hak defendan, penahanan pra-perbicaraan pedagang yang tertuduh, mungkin menolong mereka dalam melindungi mangsa dan keluarga mereka dari tindakan balas. Penahanan pra-perbicaraan sebegini boleh memberi mangsa dan keluarga mereka suatu tanggapan keselamatan dan memperkuat peluang-peluang perbicaraan yang adil dengan menghalang pedagang yang tertuduh daripada mengganggu bukti atau mempengaruhi mangsa atau saksi-saksi lain.²¹

Keputusan sama ada mangsa pemerdagangan transnasionaI harus dipulangkan ke negara asal mereka antara penyiasatan awal dan perbicaraan harus mengambil kira kepentingan utama mangsa. Keputusan sebegini harus bergantung kepada mekanisme perlindungan, kemungkinan logistik membawa pulang mangsa ke negara di mana perbicaraan dijadualkan berlangsung, atau kemungkinan pemberian keterangan dari tempat lain (dengan penggunaan internet atau teknologi lain) yang boleh digunakan dalam cara yang melindungi privasi untuk pemberian keterangan, kenyataan saksi boleh digunakan.²²

Perlindungan semasa proses perbicaraan

Untuk kebanyakan mangsa pemerdagangan, pengalaman menghadirkan diri di mahkamah adalah sesuatu yang sukar. Aspek-aspek proses perbicaraan boleh menyumbang kepada rasa takut dan keresahan, seperti memberi keterangan dalam mahkamah, harus dikurangkan sebanyak yang mungkin.

Untuk membantu mangsa pemerdagangan memberi keterangan dalam mahkamah, sesetengah Kerajaan telah menawarkan langkah-langkah dan alat bantuan untuk memberi keterangan kepada mangsa yang tidak berupaya. Langkah-langkah ini bertujuan memastikan bahawa mangsa-mangsa berada dalam kedudukan yang terbaik untuk memberikan keterangan mereka kepada mahkamah, dengan meminimumkan risiko ugutan, trauma yang berlanjutan, rasa takut terhadap keselamatan diri dan/atau rasa malu di khalayak ramai yang tidak sepatutnya. Walaupun ketelusan merupakan unsur yang tersangat penting dalam proses yang ditetapkan, ianya mesti dipertimbangkan dengan hak mereka yang mengambil bahagian dalam sistem perundangan jenayah agar keselamatan dan perlindungan dari tekanan atau rasa malu di khalayak ramai yang

tidak sepatutnya tidak berlaku. Kerajaan-kerajaan harus mengingati bahawa langkah-langkah untuk melindungi mangsa-mangsa yang terlibat dalam prosiding perundangan jenayah harus bersifat wajar, perlu dan setimpal, terutamanya disebabkan kerana mereka boleh memberi kesan ke atas hak defendan untuk menerima perbicaraan awam yang adil.

Langkah-langkah dan alat bantuan keterangan untuk melindungi para mangsa dan saksi pemerdagangan yang lemah atau tidak berupaya semasa proses perbicaraan boleh meliputi:

- Membenarkan mangsa memberi keterangan menerusi kaedah televisyen litar tertutup atau rangkaian hubungan video
- Menghadkan perhubungan mangsa dengan defendan dan ahli-ahli masyarakat umum termasuk penggunaan skrin atau dengan menutup bilik mahkamah

Tip: Beri sokongan kepada mangsa sepanjang proses perundangan jenayah

Kerajaan-kerajaan harus memberi mangsa maklumat yang komprehensif, dalam bahasa yang mereka fahami, tentang pilihan-pilihan yang ada untuk mereka termasuk menjadi saksi dalam prosiding mahkamah. Kerajaan-kerajaan harus juga berusaha untuk memberikan mangsa-mangsa akses kepada penasihat guaman persendirian untuk membantu mereka dalam memahami hak dan kewajiban mereka dari segi undang-undang.

²¹ Manual Latihan Anti-Perdagangan untuk Pengamal Perundangan Jenayah, Modul 11: Keperluan mangsa dalam prosiding perundangan jenayah dalam kes pemerdagangan manusia. UNODC/UN.GIFT, 2009, ms.8.

²² Manual Latihan Anti-Pemerdagangan untuk Pengamal Perundangan Jenayah, Modul 11: Keperluan mangsa dalam prosiding perundangan jenayah dalam kes pemerdagangan manusia. UNODC/UN.GIFT, 2009, ms.7-8.

- Membenarkan seseorang pemberi sokongan untuk hadir semasa mangsa memberi keterangan
- Memperkenalkan peraturan-peraturan untuk membolehkan keterangan mangsa dalam perbicaraan asal untuk diterima sekali lagi dalam perbicaraan-perbicaraan selanjutnya, meminimumkan risiko dikenakan trauma semula
- Membenarkan mangsa yang berada di luar negara untuk memberi keterangan menerusi rangkaian hubungan video jika perjalanan ke kawasan pentadbiran yang berkenaan untuk menghadiri mahkamah akan mengakibatkan bahaya, trauma dan keresahan yang tidak sepatutnya
- Melindungi privasi mangsa dengan mewujudkan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan perbitan yang tidak dibenarkan oleh nama mangsa atau perwatakan-perwatakan yang boleh dikenalpasti

Tip: Menguatkuasakan langkah-langkah perlindungan untuk mangsa kanak-kanak dan saksi pemerdagangan

Kerajaan-kerajaan mungkin mempertimbangkan langkah-langkah dan alat bantuan keterangan untuk perlindungan mereka yang lemah atau tidak upaya, secara automatik ada untuk mangsa kanak-kanak. Perlindungan yang selebihnya mungkin juga dipertimbangkan, seperti membenarkan pemberian rakaman video temuduga polis dengan mangsa kanak-kanak dan/atau saksi sebagai bukti utama. Namun, mangsa kanak-kanak tidak seharusnya disuruh mengambil bahagian, terutamanya apabila mereka telah mengalami trauma.

Sesetengah perkhidmatan pendakwaan Negara menggajikan pegawai bantuan saksi atau pegawai perhubungan mangsa untuk mengurangkan tekanan dan trauma dengan memberi mangsa maklumat dan sokongan secara perjumpaan langsung, dan untuk menghadiri mahkamah dengan mereka. Pertubuhan masyarakat sivil boleh juga memberikan sumber yang sangat berharga untuk penjagaan tambahan dan memberi sokongan kepada mangsa apabila mereka melalui proses pendakwaan.

Kerajaan-kerajaan mungkin mempertimbangkan penghasilan kenyataan kesan oleh mangsa apabila sesuatu keputusan mahkamah dicapai dan pesalah telah dikenakan hukuman untuk menggariskan kepada mahkamah kemudaratan yang dialami mereka. Kenyataan kesan oleh mangsa boleh memanfaatkan mangsa dalam proses pemulihan mereka, termasuk dengan membenarkan mereka untuk menerangkan kepada seseorang hakim bagaimana jenayah yang berkenaan telah membawa kesan kepada mereka secara fizikal, emosi, kewangan dan/atau sosial. Kenyataan kesan oleh mangsa boleh juga bermanfaat dalam:

- Mengurangkan tanggapan orang ramai terhadap pengasingan mangsa dalam proses perundangan jenayah
- Menjadikan hukuman lebih telus dan lebih mencerminkan tindakbalas komuniti kepada jenayah
- Menggalakkan pemulihan terhadap pelaku perdagangan dengan menyatakan kesan kesalahan mereka

Kerajaan-kerajaan yang mempertimbangkan penggunaan keterangan kesan oleh mangsa harus memastikan yang beberapa langkah keselamatan dikuatkuasakan, termasuk bahawa mangsa secara khususnya dihalang daripada memberi pendapat tentang hukuman yang setimpal: atau daripada memasuki bahan-bahan yang berupa serangan, ugutan, menakutkan atau mengganggu dalam kenyataan mereka. Pelaku perdagang juga harus dibenarkan melawan fakta-fakta yang terkandung dalam kenyataan kesan kepada mangsa.

Tip: Pastikan langkah-langkah bantuan dan perlindungan tidak merupakan imbuhan untuk mengambil bahagian

Langkah-langkah bantuan dan perlindungan harus diberikan dalam bentuk yang tidak meyerupai sebarang bentuk imbuhan yang mungkin melemahkan kes pihak pendakwa. Apa-apa yang diberi kepada saksi, termasuk penginapan dan visa, misalnya, perlu direkodkan dan dikaji secara rasional, dan sebarang salah guna sokongan dikenalpasti dan ditangani dengan segera.

Perlindungan pasca-perbicaraan

Langkah-langkah perlindungan tidak harus diberhentikan pada penghabisan prosiding jenayah, tetapi harus berdasarkan keperluan sebenar mangsa-mangsa individu. Sebaik sahaja perbicaraan tamat, pegawai bantuan saksi atau pihak berkuasa yang sesuai harus memberikan mangsa maklumat tentang keputusan mahkamah dan implikasinya, termasuk hukuman yang dikenakan kepada pesalah pedagang, tempohnya dan tarikh yang dicadangkan untuk pembebasannya, serta kemungkinan rayuan. Pelan perlindungan mangsa harus dikemaskini dengan sesuai, dalam rundingan dengan mangsa dan dengan memberi pertimbangan kepada apa-apa kebimbangan mangsa.

Berikutan pendakwaan, ugutan dan ancaman terhadap mangsa perdagangan dan keluarga atau rakan mereka mungkin bertambah. Kerajaan-kerajaan harus mengambil kira keperluan untuk perlindungan mangsa yang berterusan dan langkah-langkah untuk keselamatan peribadi mereka, termasuk dengan membenarkan mangsa menetap untuk selamanya dalam kawasan pertadbiran tersebut jika mangsa-mangsa tersebut akan berada dalam bahaya jika pulang ke negara asal mereka.²³ Melampaui sebarang bahaya dari tindakan balas atau perdagangan semula, suatu penilaian tentang risiko yang didatangkan oleh bantuan dan sokongan yang tidak memadai dalam Negara asal mungkin relevan dalam menentukan sama ada seseorang mangsa harus dipulangkan atau lebih baiknya, diberi permit kependudukan dalam negara di mana perbicaraan dijalankan atau tempat lain.²⁴

2.3. Penyelesaian perlindungan yang mampan

Penyelesaian perlindungan yang mampan bermula dari **ketika pertemuan pertama** apabila keperluan mangsa yang dikenapasti dinilai tertumpu kepada keperluan serta merta mereka misalnya perumahan sementara, penjagaan perubatan, keselamatan dan sekuriti. Langkah-langkah tersebut mungkin diambil oleh Negara-negara asal, transit atau destinasi. Apabila 'penyelesaian perlindungan' melibatkan pengeluaran mangsa dari kawalan pedagang dan pengurangan sebarang risiko yang mendesak, 'penyelesaian perlindungan yang mampan' adalah komprehensif, melangkaui penumpuan kepada keperluan serta merta ke bantuan mangsa perdagangan untuk mendapatkan semula autonomi mereka dan menyiapkan mereka untuk berintegrasi atau mengintegrasikan mereka semula ke dalam masyarakat.

Penyelesaian perlindungan yang mampan mungkin termasuk langkah-langkah untuk memastikan bahawa mangsa mempunyai akses kepada peluang-peluang jangka panjang untuk mengatasi situasi yang pada mulanya menjadikan mereka mudah diperdagangkan. Misalnya, perkhidmatan seperti akses kepada pendidikan, latihan, sarahidup dan peluang-peluang pekerjaan yang memberi tumpuan kepada kelemahan dan sokongan integrasi semula sosial dan ekonomi mangsa. Sesetengah penyelesaian yang telah dikenalpasti pada ketika pertemuan pertama mungkin perlu dikekalkan atau terus diberi tumpuan, misalnya penginapan yang berterusan, perhatian dari segi perubatan dan psikologi serta kaunseling, dan jaminan keselamatan dan sekuriti mangsa.

²³ Sila lihat seksyen 3.3 di bawah tentang penyelesaian perlindungan yang mampan.

²⁴ Sila lihat seksyen 3.3 di bawah tentang penyelesaian perlindungan yang mampan.

Objektif utama bagi mana-mana program bantuan dan perlindungan mangsa adalah untuk memastikan bahawa mangsa pemerdagangan yang dibantu boleh menerima pengalaman mereka, untuk mencapai tahap untuk menyara diri sendiri, dan untuk menyertai dengan sepenuhnya kehidupan dari segi ekonomi dan sosial. Kegagalan mencapai objektif ini boleh menambah kepada kelemahan mereka dan mungkin mengakibatkan kitaran menjadi mangsa semula.

Penyelesaian perlindungan yang mampan adalah lebih rumit apabila pemerdagangan yang berlaku merentasi sempadan dan bantuan serta perlindungan mangsa harus diselaraskan di antara dan di kalangan pihak berkuasa dan pemberi perkhidmatan daripada dua atau lebih Kerajaan. Berikutan tempoh berfikir atau penghabisan prosiding mahkamah, pilihan untuk berintegrasi, pulang secara sukarela atau integrasi semula harus dikaji.²⁵ Mangsa mungkin pulang ke komuniti asal mereka, melainkan jika mereka diberi permit kependudukan atau visa lain untuk menetap, atau dipindahkan ke Negara ketiga. Di mana mangsa dipulangkan ke tempat asal mereka – sama ada berciri domestik atau dalam Negara lain – pihak berkuasa harus berusaha untuk memastikan yang mereka dilindungi daripada tindakan balas atau perdagangan semula semasa ketibaan mereka dan semasa proses integrasi semula.

Sebarang pemulangan kepada **negara asal** harus, sejauh mana yang boleh, bersifat sukarela dan dijalankan dengan pertimbangan untuk hak, keselamatan dan maruah mereka yang dipulangkan dan juga mengandungi perlindungan, bantuan dan sokongan yang memadai yang diperlukan untuk mencapai integrasi semula dan mengelakkan daripada perdagangan semula.²⁶ Di mana ianya lebih sesuai untuk mangsa dipindahkan ke sesebuah **Negara Ketiga**, Kerajaan tersebut harus membantu dalam mempermudah pemindahan dan integrasi yang selamat.²⁷ Di mana terdapat risiko keselamatan yang berterusan, pertimbangan kemanusiaan atau risiko yang lain yang menghalang mangsa daripada dipulangkan, kependudukan sementara atau tetap dalam negara destinasi harus dipertimbangkan.²⁸

Penyelesaian perlindungan yang mampan memerlukan kerjasama beberapa pemberi perkhidmatan dan pihak yang berkepentingan. Rujukan dan maklum balas tersangat penting dalam memastikan bahawa perkhidmatan adalah bersesuaian dan diberi dalam masa yang terbaik dan dengan cara yang diselaraskan, dan ada di kalangan dan di antara Negara-negara asal dan destinasi. Kerjasama dan sumbangan mangsa sendiri adalah tersangat penting. Mangsa bukan hanya harus memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menentukan jenis bantuan dan sokongan yang kritikal untuk memastikan kejayaan sebarang pelan untuk jangka masa yang lebih panjang. Perhatian yang sepatutnya harus diberi kepada keperluan individu dan aspirasi mereka dalam pembinaan pendekatan-pendekatan perlindungan, terutamanya dalam kes kanak-kanak, di mana kepentingan utama mereka harus dititikberatkan dalam pelan perlindungan. Akhirnya, pelan-pelan bantuan dan perlindungan harus dinilai dari semasa ke semasa, dan diubahsuai mengikut keperluan-keperluan mangsa pemerdagangan yang berubah.

²⁵ *Prinsip dan Panduan yang Disarankan tentang Hak Asasi Manusia dan Perdagangan Manusia* (E/2002/68/Add.1), Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi Manusia, Garis panduan 5(8).

²⁶ *Prinsip dan Panduan yang Disarankan tentang Hak Asasi Manusia dan Perdagangan Manusia* (E/2002/68/Add.1), Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi Manusia, Lihat juga Artikel 8(3)-(4), Artikel 9(1)(b) Protokol Perdagangan Orang tentang pemulangan semula yang selamat.

²⁷ *Prinsip dan Panduan yang Disarankan tentang Hak Asasi Manusia dan Perdagangan Manusia* (E/2002/68/Add.1), Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi Manusia, Lihat juga Artikel 8(3)-(4), Artikel 9(1)(b) Protokol Perdagangan Orang tentang pemulangan semula yang selamat.

²⁸ Sila rujuk Komentari, *Prinsip dan Panduan yang Disarankan tentang Hak Asasi Manusia dan Perdagangan Manusia* OHCHR, 2010, ms.180-182.

Jadual 1: Unsur-unsur utama dalam penyelesaian perlindungan yang mampan

Keperluan asas	• Penginapan selamat yang berterusan, terutamanya apabila intergrasi semula masih belum boleh disarankan • Langkah-langkah keselamatan dan sekuriti
Penjagaan perubatan dan psiko-sosial	• Kaunseling psikologi • Kaunseling sosial, termasuk lawatan dari keluarga • Penjagaan perubatan dan pergigian • Campurtangan dalam Integrasi semula dalam keluarga dan masyarakat
Integrasi semula dari segi ekonomi	• Pendidikan, terutamanya untuk kanak-kanak • Latihan bahasa dalam kes-kes penyertaan sosial • Program-program latihan vokasional atau kemahiran berasaskan pasaran buruh atau permintaan industri • Bantuan penempatan kerja • Geran sarahidup dan mentor • Geran kewangan/peruntukan modal awal
Sokongan dan bantuan perundangan	• Kaunseling perundangan • Membuat aduan jenayah dan penyelesaian perundangan yang lain di hadapan penguatkuasa undang-undang dan/atau pendakwaan • Bantuan dalam mendapatkan pampasan • Bantuan dalam memohon untuk permit penetapan sementara atau kependudukan tetap, di mana ada • Perwakilan untuk melepaskan mangsa pemerdagangan dari jenayah yang dilakukan sebagai akibat pemerdagangan.²⁹

Pampasan

Suatu kaedah utama dalam memudahkan penyelesaian perlindungan yang mampan adalah menerusi peruntukan pampasan, bantuan kewangan, atau penebusan akibat kecederaan, kerugian atau kemudahan yang dialami oleh mangsa-mangsa perdagangan. Walaupun pampasan tidak dapat memperbetulkan pengalaman pemerdagangan si mangsa, ianya boleh membantu memperbaiki peluang-peluangnya untuk pemulihan dan melindunginya dari segi ekonomi daripada berisiko untuk diperdagangkan semula. Pampasan boleh merangkumi gaji yang tidak dibayar, yuran guaman, perbelanjaan perubatan, peluang-peluang yang hilang dan pampasan untuk kesakitan dan kesengsaraan.³⁰

Skim pampasan untuk mangsa pemerdagangan mungkin diperolehi daripada asset pelaku pedagang, atau daripada skim-skim pembiayaan Kerajaan yang ditadbirkan melalui proses-proses perundangan atau tindakan-tindakan pentadbiran. Dalam banyak kawasan-kawasan pentadbiran, tuntutan sivil untuk ganti rugi dikaitkan dengan pemfailan tindakan jenayah dan pemberian kewangan yang terkandung dalam keputusan mahkamah, atau pembayaran pampasan kepada mangsa dijadikan sebahagian daripada penalti.

²⁹ Untuk maklumat yang lebih lanjut tentang tidak memperjenayahkan mangsa, sila rujuk *Panduan Polisi tentang Memperjenayahkan Pemerdagangan Manusia*, The Bali Process, 2014, ms.7.

³⁰ Sila rujuk juga *Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Prinsip Asas Keadilan untuk Mangsa Jenayah dan Salah guna Kuasa*, A/RES/40/34, 29 November, 1985, (Artikel-artikel 12 and 13).

Walaupun bagaimanapun, ada yang dibenarkan mendapatkan semula ganti rugi menerusi tindakan sivil, bebas daripada pendakwaan jenayah. Tuntuan menerusi mahkamah buruh untuk gaji yang tidak dibayar dan manfaat kontrak yang lain, terutamanya dalam kes-kes perdagangan untuk eksploitasi, merupakan suatu peluang lain untuk pampasan.


Sesetengah negara di rantau Asia-Pasifik telah menubuhkan satu dana daripada sumber Kerajaan untuk memberikan sokongan bahan kepada mangsa sambil memulihkan mereka daripada pengalaman perdagangan mereka. Dana amanah untuk mangsa perdagangan telah juga ditubuhkan dengan memperolehi daripada wang denda dan penalti sebagai akibat sabit kesalahan jenayah. Ada yang telah membenarkan mangsa perdagangan untuk mengakses dana am yang sedia ada seperti mereka yang ditubuhkan untuk mangsa jenayah berat atau keganasan.

Badan-badan sektor swasta, di mana industri-industri atau rangkaian bekalan yang mungkin terjejas oleh aktiviti perdagangan, juga mempunyai peranan untuk dimainkan dalam melindungi para pekerja daripada eksploitasi dan memberikan pampasan kepada mangsa. Ia melibatkan juga kemungkinan pertambahan dana Kerajaan dengan sumbangan daripada institusi nasional, badan kebajikan, komuniti perniagaan dan individu-individu perseorangan.

Walaupun kebanyakan kawasan bidang kuasa pentadbiran membenarkan mangsa perdagangan untuk mencari pampasan menerusi mahkamah sivil (menerusi rejim kebajikan sosial atau buruh) para migran yang tidak sah mungkin menghadapi halangan untuk mendapatkan akses kepada pampasan berdasarkan status dan/atau ketiadaan dokumen. Selari dengan itu, Kerajaan-kerajaan harus membolehkan akses kepada mahkamah sivil untuk pampasan bagi kemudahan yang ditanggung, termasuk mangsa perdagangan yang berada dalam situasi yang tidak sah.

Gambar rajah di bawah menunjukkan sumber-sumber yang mungkin boleh diperolehi untuk pampasan mangsa.

Gambar rajah 1: Sumber-sumber pampasan mangsa yang mungkin boleh diperolehi



Tip: Berikan pampasan yang berkesan sebagai sebahagian daripada penyelesaian perlindungan yang mampan

Kerajaan-kerajaan harus mempertimbangkan penyediaan sumber-sumber pampasan kepada mangsa perdagangan, di luar prosiding perundangan jenayah. Pertimbangan harus diberi untuk memastikan bahawa pampasan boleh diakses oleh mangsa perdagangan yang bukan warganegara.

Seksyen 3:

Penyelarasan dan pendekatan pelbagai pihak berkepentingan

3.1. Melindungi pihak-pihak yang berkepentingan

Penyelarasan merupakan unsur utama dalam perlindungan yang menyeluruh. Memandangkan keperluan perlindungan yang rumit oleh seseorang mangsa pemerdagangan, kaedah-kaedah yang paling sesuai dan berkesan juga melibatkan pelbagai campur tangan dan kemahiran pakar. Kewajipan untuk melindungi mangsa pemerdagangan pada asasnya terletak pada Kerajaan tetapi pihak-pihak lain boleh memainkan peranan yang besar dalam menyokong fungsi ini.³¹ Ahli masyarakat sosial ditempatkan dengan sebaik-baiknya untuk membina kepercayaan di antara mangsa pemerdagangan dan pihak berkuasa, dan memiliki kepakaran yang tertentu yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan perlindungan yang berkesan kepada mangsa.

Protokol Pemerdagangan Manusia mengakui keperluan penyelarasan pelbagai pihak berkepentingan dalam langkah-langkah bantuan dan perlindungan, dengan mengkehendaki Kerajaan-kerajaan untuk mempertimbangkan langkah-langkah bagi membolehkan pemulihan fizikal, psikologi dan sosial mangsa pemerdagangan *“dengan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, organisasi lain yang berkenaan atau unsur-unsur lain dalam masyarakat sivil.”*³² Beberapa pihak berkepentingan kerajaan dan bukan kerajaan mungkin dilibatkan dalam perlindungan mangsa dalam mana-mana Negara termasuk polis, imigresen dan pihak berkuasa perkhidmatan sosial, dan juga pihak buruh dan yang berkaitan dengan industri, kementerian hal ehwal dalam dan luar negara dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang khusus dalam perkhidmatan mangsa jenayah, migran, wanita dan/atau kanak-kanak, serta juga pemberi bantuan guaman.³³

Bantuan langsung dan perlindungan pihak berkepentingan

Pihak kerajaan bertanggungjawab memberikan mangsa perlindungan dan mungkin memberi nasihat kewangan melalui program perkhidmatan sosial, perkhidmatan kanak-kanak, dana prosedur jenayah, Pihak kerajaan-kerajaan yang berikut adalah sangat penting:

- Polis dan pihak berkuasa perundangan berperanan penting dalam hal keselamatan fizikal mangsa
- Pihak berkuasa imigresen dan konsular mungkin terlibat dalam memudahkan penempatan sementara atau tetap mangsa pemerdagangan dalam Negara
- Agensi-agensi perkhidmatan kesihatan Kerajaan boleh memberikan kaunseling, maklumat, dan bantuan psikologi serta material yang berkaitan
- Agensi-agensi perkhidmatan sosial Kerajaan juga mempunyai peranan untuk dimainkan dalam memberikan latihan vokasional dan pendidikan, dan memastikan tiada halangan untuk mengakses pekerjaan serta peluang-peluang pendidikan dan latihan.³⁴

³¹ Sila rujuk *Protokol Perdagangan Orang*, Artikel 6(3).

³² Sila rujuk *Protokol Perdagangan Orang*, Artikel 6(3).

³³ Untuk maklumat lanjut, sila lihat *Panduan Polisi tentang Pengenalpastian Mangsa Pemerdagangan*, Bali Process, 2015, Seksyen 3.1.

³⁴ Sila rujuk Artikel 6 *Protokol Pemerdagangan Manusia*.



Walaupun pihak kerajaan bertanggungjawab untuk memberikan perlindungan kepada mangsa, dalam kebanyakan negara pihak bukan kerajaan, **termasuk pertubuhan sivil masyarakat, organisasi antarabangsa dan pemberi perkhidmatan lain yang bersifat bukan kerajaan** menjalankan tugas perlindungan, biasanya di bawah kekangan kewangan yang signifikan dan tekanan-tekanan lain.

- Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan organisasi antarabangsa mungkin membantu pihak Kerajaan dengan memberikan mangsa maklumat tentang perkhidmatan Kerajaan yang khusus.
- Mereka juga memberi sokongan material dalam bentuk penginapan, makanan, kesihatan (termasuk penjagaan kesihatan seksual) dan penjagaan perubatan dan kaunseling psikologi, nasihat guaman dan migrasi. Selari dengan tanggungjawab perlindungan mereka, kerajaan harus memberi para pertubuhan social ini dengan sokongan dan dana yang mencukupi untuk melindungi mangsa.³⁵
- Pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) dan Pertubuhan Antarabangsa Migrasi (IOM) mungkin dapat memberikan sokongan kewangan dan material.³⁶

Pemulangan dan integrasi semula pihak berkepentingan

Pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemulangan dan integrasi semula para mangsa kepada negara-negara asal mereka boleh melibatkan pihak berkuasa imigresen dan hal-hal luar negara, polis, hal-hal consular, jabatan perkhidmatan sosial, dan pihak berkuasa yang lain dari negara-negara asal dan destinasi. Pihak ini, yang kedua-duanya Negara pemulang dan penerima, mungkin perlu memberikan mangsa pemerdagangan dokumentasi berkaitan yang mereka perlukan untuk pulang.³⁷ Penginapan selamat oleh kerajaan atau pemberi penginapan sementara dalam kedua-dua Negara pemulang dan penerima perlu terlibat sepanjang proses tersebut. Pihak dari kedua-dua Negara perlu juga menyelaraskan terlebih dahulu untuk menggubal dan mengimplementasikan pelan untuk penyertaan sosial untuk seseorang yang dipulangan. Misalnya, kementerian-kementerian buruh, pekerjaan dan industri mungkin memainkan peranan utama dalam memberikan peluang saradiri yang mampan bagi mangsa pemerdagangan untuk diintegrasikan semula ke masyarakat.

Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan yang terlibat dalam isu-isu pemulangan dan integrasi semula boleh juga melibatkan kumpulan-kumpulan sokongan untuk mangsa, migran, wanita dan kanak-kanak. Organisasi-organisasi antarabangsa seperti IOM and agensi-agensi UN memainkan peranan yang tersangat penting dalam menyokong atau memantau prosedur-prosedur pemulangan, dan membolehkan kerjasama antara Kerajaan dalam menggubal pelan-pelan perlindungan dan penyertaan sosial yang mampan.³⁸ Pihak bukan kerajaan dan antara kerajaan berperanan aktif dalam membolehkan penyelarasan antara Negara-negara pemulang dan penerima, menawarkan kedua-dua bantuan pre-pemergian dan pasca-pemulangan.

³⁵ Sila rujuk *Buku Panduan IOM tentang Bantuan Langsung kepada Mangsa Pemerdagangan*, IOM, 2007, Bab 4, dan *Mekanisme Rujukan Nasional, Menggabungkan usaha untuk melindungi Hak-hak Asasi Mereka yang Diperdagangkan: Buku Panduan Praktikal*, OSCE, 2004, ms.73-76.

³⁶ Melalui Dana Bantuan Sedunia (GAF) dan mekanisme sokongan yang lain pada tahap negara dan serantau, IOM memberikan bantuan langsung kepada lebih kurang 6,000 – 7,000 mangsa perdagangan setiap tahun.

³⁷ Kedutaan dan Konsulat mengeluarkan dokumen-dokumen gantian untuk membolehkan perjalanan mereka dan tidak seharusnya mengenalpasti seseorang sebagai mangsa perdagangan dalam dokumen tersebut, dan pihak berkuasa pemulangan tidak seharusnya memberikan sebarang data peribadi kepada negara asal tanpa kebenaran muktamad beliau yang terlibat.

³⁸ Sila rujuk *Buku Panduan IOM tentang Bantuan Langsung kepada Mangsa Perdagangan*, IOM, 2007, Chapter 3, dan *Mekanisme Rujukan Nasional, Menggabungkan usaha untuk melindungi Hak-hak Asasi Mereka yang Diperdagangkan: Buku Panduan Praktikal*, OSCE, 2004, ms.80-83.

3.2. Penyelarasan pada tahap politik

Penyelarasan pada tahap politik diperlukan untuk membina asas bagi penyelarasan perlindungan dari pelbagai pihak berkepentingan. Banyak komitmen dari segi politik telah dibuat pada tahap-tahap antarabangsa, serantau dan nasional, dan perjanjian-perjanjian telah ditetapkan untuk menyelaraskan tindakbalas.

Pada tahap antarabangsa, Kerajaan-kerajaan telah memberi komitmen kepada penyelarasan kewajipan yang teguh, dengan menjadi sebahagian daripada Protokol Pemerdagangan Manusia. Selanjutnya, komitmen serantau yang teguh juga telah dibuat. Contohnya, ahli-ahli Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah menyertai *Deklarasi menentang Pemerdagangan Manusia Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak*. Deklarasi tersebut menitikberatkan pendekatan serantau untuk mengelakkan pemerdagangan, termasuk untuk mengambil tindakan bagi menjaga hak asasi dan maruah mangsa pemerdagangan.³⁹ Inisiatif Penyelarasan Kementerian-kementerian di Mekong menentang Perdagangan (COMMIT) diasaskan pada 2004 dengan menandatangani suatu Memorandum Persefahaman yang mengikat kerajaan-kerajaan Kawasan Besar Sub-Rantau di Mekong telah bersetuju untuk menyelaraskan dan meperkuatkan usaha-usaha mereka menentang pemerdagangan, termasuk perlindungan, pemulihan dan integrasi semula mangsa.⁴⁰ Di bawah proses COMMIT, kerajaan-kerajaan yang telah menandatangani telah memberi komitmen untuk bekerjasama menentang perdagangan manusia selari dengan standard-standard antarabangsa. Pasukan-pasukan petugas nasional yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan daripada Menteri-menteri yang berkenaan (termasuk polis, perundangan, perkhidmatan sosial dan hal ehwal wanita) membuat keputusan tentang polisi-polisi anti-pemerdagangan dan pengaturan program-program di negara mereka yang dicerminkan dalam pelan-pelan kerja tahunan COMMIT dan pelan tindakan yang terhasil dari implemen-tasi secara nasional, dua hala dan pelbagai hala menerusi kerjasama antara pihak-pihak berkepentingan jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan, termasuk agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, IOM, pihak pertubuhan sivil dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.⁴¹

Suatu contoh lain komitmen politik adalah untuk memperkuatkan penyelarasan serantau berkenaan dengan usaha-usaha perlindungan yang terdapat di dalam *Konvensyen tentang Pengelakkan dan Pembasmian Perdagangan Wanita dan Kanak-kanak untuk Pelacuran*.⁴² Persatuan Asia Selatan untuk Kerjasama Serantau (SAARC.). Di bawah Konvensyen ini, Parti-parti Kerajaan telah membuat komitmen untuk mendirikan rumah-rumah yang dilindungi untuk mangsa pemerdagangan, dan mengesahkan serta mengakui peranan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk berbuat sedemikian.

Pada tahap nasional, penyelarasan politik terjadi dalam sebilangan cara, termasuk menerusi perjanjian yang disertakan oleh pihak kerajaan dan bukan-kerajaan untuk menyelaraskan fungsi-fungsi perlindungan mereka. Pendekatan-pendekatan adalah berbeza dari Kerajaan ke Kerajaan, tetapi pada amnya melibatkan penyelarasan nasional yang melibatkan pegawai tahap tinggi kerajaan atau agensi, dan jawatan kuasa atau meja bulat yang terdiri daripada perwakilan kanan agensi-agensi kerajaan dan kumpulan-kumpulan persatuan sivil masyarakat yang bekerja sama untuk menubuhkan saranan polisi dan prosedur nasional.

Tip: Rasmikan mekanisme penyelarasan nasional untuk perlindungan mangsa perdagangan

Mekanisme penyelarasan nasional akan lebih berkesan di mana mereka dimasukkan secara rasmi, misalnya dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoUs) yang menggariskan peranan dan tugas spesifik setiap pihak yang berkepentingan.

³⁹ Sila rujuk: <http://www.asean.org/communities/asean-political-security-community/item/asean-declaration-against-trafficking-in-persons-particularly-women-and-children-3>.

⁴⁰ Cambodia, China, Lao PDR, Myanmar, Thailand and Viet Nam.

⁴¹ Sila rujuk <http://www.no-trafficking.org/commit.html>

⁴² *Konvensyen campurtangan tentang Pengelakkan dan Pembasmian Pemerdagangan dalam Wanita dan Kanak-kanak untuk Pelacuran 2002* Persatuan Asia Selatan untuk Kerjasama Serantau (SAARC). Penandatanganan termasuk Kerajaan-kerajaan Bangladesh, Bhutan, India, Maldives, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka.

3.3. Penyelarasan pada tahap operasi

Memandangkan ada beberapa pihak berkepentingan yang terlibat dalam memastikan bahawa mangsa pemerdagangan dilindungi, adalah sangat penting bagi mekanisme penyelarasan ditempatkan untuk membenarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berbeza ada untuk melengkapi satu sama lain dalam memberikan bantuan yang bersesuaian. Untuk menggalakkan penyelarasan yang berkesan pada tahap operasi dan untuk memberikan akses kepada perkhidmatan perlindungan yang bersesuaian.⁴³ Pada peringkat awal, ianya berguna untuk memetakan pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan, peranan-peranan mereka serta perkhidmatan perlindungan yang mereka berikan.

Mekanisme penyelarasan antara pihak Kerajaan dan bukan Kerajaan telah diterangkan sebagai “suatu rangka kerjasama di mana pihak Kerajaan memenuhi kewajipan mereka untuk melindungi dan menggalakkan hak asasi mangsa yang diperdagangkan, menyelaraskan usaha-usaha mereka dalam suatu kerjasama strategik dengan masyarakat sivil.”⁴⁴ Walaupun komitmen pada tahap politik menawarkan rangka kerja untuk perlindungan yang lebih kuat, suatu kaedah yang lazim untuk mengoperasikan komitmen tersebut adalah dengan merasmikan penyelarasan antara pihak-pihak berkepentingan kerajaan dan bukan kerajaan untuk memberikan mangsa pemerdagangan akses kepada perkhidmatan bantuan dan perlindungan.

Dengan membawa bersama pemberi-pemberi perkhidmatan yang sesuai dengan cara ini, pelaksanaan perundangan, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan penambahbaikan perlindungan

Mekanisme penyelarasan membenarkan pertukaran langkah-langkah terbaik tentang perlindungan pelbagai pihak. Mereka boleh menyokong kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa, dengan membolehkan pihak berkaitan dari suatu kawasan pentadbiran untuk bertindak secara berkesan dengan badan-badan anti-pemerdagangan dari kawasan pentadbiran lain. Secara ideal, mekanisme bukan hanya digunakan sebagai alat untuk menyokong penyiasatan atau pendakwaan tetapi memberikan fokus utama kepada perlindungan mangsa.⁴⁵

Mekanisme penyelarasan berkesan adalah cukup meluas dari segi skopnya untuk merangkumi semua bentuk eksploitasi (termasuk eksploitasi seksual dan buruh dan bentuk-bentuk lain seperti pengeluaran organ), kategori-kategori mangsa (termasuk lelaki dan kanak-kanak lelaki serta wanita dan kanak-kanak perempuan), dan jenis-jenis pemerdagangan (termasuk pemerdagangan dalaman serta transnasional). Penyelesaian berkesan dan cekap adalah berdasarkan penerangan yang jelas tentang peranan-peranan pelbagai agensi yang terlibat, termasuk kepimpinan dan kebertanggungjawapan pihak-pihak tersebut.

Tip: Operasikan mekanisme penyelarasan

Penyelarasan pada tahap operasi untuk memastikan kerjasama antara agensi merupakan syarat bagi kejayaan sebarang strategi nasional atau tempatan untuk mengelakkan atau membasmi perdagangan manusia. Contoh-contoh amalan yang baik termasuk prosedur operasi standard (SOP), mesyuarat yang kerap serta mekanisme-mekanisme penilaian dan pemantauan yang telah dipersetujui dan digunakan oleh pihak-pihak berkepentingan yang lain.

⁴³ Tentang mengoperasikan kerjasama antarabangsa Kerajaan kepada Kerajaan tentang perdagangan orang, lihat Buku Panduan ASEAN bagi Kerjasama Antarabangsa dari segi Undang-undang dalam Kes-kes Perdagangan Orang, Sekretariat ASEAN, Ogos 2010.

⁴⁴ Mekanisme Rujukan Nasional, Menggabungkan usaha untuk melindungi Hak-hak Asasi Mereka yang Diperdagangkan :Suatu Buku Panduan Praktikal OSCE/ODIHR, 2004, ms.15.

⁴⁵ Sila rujuk Perdagangan Manusia: Komentari bersama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Arahtuju Kesatuan Eropah – Suatu Pendekatan berasaskan Hak Asasi Manusia, OHCHR/UNHCR/UNICEF/ UNODC/UN Women dan ILO, 2011, ms.50 dan Perkembangan Terkini NRM dalam Rantau OSCE Region, ODIHR, 2008/2008.

Jawatan kuasa antara-jabatan tentang perdagangan manusia mungkin merupakan mekanisme penye-larasan yang berguna, membawa bersama perwakilan daripada perundangan jenayah, pekerjaan, imigre-sen, buruh dan industri, perkhidmatan sosial, dan lain-lain sektor kerajaan yang relevan untuk memantau implementasi strategi-strategi nasional dan memberi perhatian kepada isu-isu yang timbul dalam semua jabatan kerajaan. Meja perundingan persidangan nasional boleh digunakan untuk bertindak sebagai me-kanisme konsultatif antara masyarakat sivil, kesatuan dan pihak-pihak berkepentingan industri. Kumpu-lan-kumpulan bekerja mungkin juga ditubuhkan untuk memberi tumpuan kepada isu-isu perdagangan yang spesifik, atau dengan memberi perhatian kepada isu-isu operasi dalam kes-kes individu.

Mengoperasikan komitmen politik untuk memperkukuhkan penye-larasan bagi perlindungan mangsa perdagangan

Komitmen politik yang berkesan (termasuk MOUs) menyatakan beberapa unsur penting, termasuk:

- **Rakan-rakan kongsi** komitmen, mandat mereka dan kawasan-kawasan operasi mereka
- **Prinsip dan tujuan** asas kerjasama tersebut
- **Kumpulan sasaran** yang akan bermanfaat daripada komitmen tersebut
- **Penetapan komunikasi dan pertukaran maklumat** secara selamat dan rahsia
- Prosedur-prosedur untuk **kerjasama**
- Langkah-langkah yang bersesuaian untuk mereka yang dibawah umur

Secara praktiknya, komitmen politik akan dioperasikan apa bila ahli-ahlinya mengambil tindakan-tinda-kan berikut untuk melindungi mangsa perdagangan:

- Komitmen politik disokong oleh komitmen kewangan yang mencukupi
- Mereka yang disyaki mangsa perdagangan, akan dilayan seperti mereka adalah mangsa jenayah bagi tujuan bantuan dan perlindungan asas, tidak kira status migrasi atau penglibatan mereka dalam kelakuan jenayah yang merupakan akibat dari perdagangan
- Mangsa perdagangan yang disyaki hanya diberitahu secara lisan dan secara bertulis, dalam bahasa yang mereka fahami, tentang peluang perlindungan dan sokongan
- Mangsa perdagangan yang disyaki diberi tempoh berfikir
- Penginapan yang selamat dan perkhidmatan sokongan yang perlu disediakan untuk mangsa perdagangan, tidak kira status migrasi atau kesanggupan mereka untuk melibatkan diri da-lam penyiasatan perundangan jenayah
- Rakan-rakan kongsi perlindungan Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang relevan be-runding tentang cara melindungi mereka yang mengambil keputusan untuk bekerja sama den-gan pihak berkuasa perundangan jenayah atau mengambil keputusan untuk pulang ke negara asal
- Rakan kongsi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan berunding sesama mereka sama ada mangsa perdagangan yang disyaki akan menghadapi bahaya dari pedagang
- Mangsa perdagangan yang disyaki diberitahu secara lisan dan bertulis, dalam bahasa yang mereka fahami, tentang prosiding undang-undang yang akan datang
- Mangsa perdagangan yang disyaki boleh diiringi oleh pemberi perkhidmatan sebelum, semasa dan selepas prosiding perundangan
- Mangsa perdagangan menerima sokongan untuk peruntukan pampasan, bantuan kewan-gan, atau pampasan akibat kecederaan, kerugian atau kemudaratannya yang dialami
- Keperluan-keperluan perlindungan mangsa perdagangan diambil kira selepas tamat seba-rang proses perundangan jenayah untuk menyokong integrasi ekonomi dan sosial mereka yang mampan dan mengurangkan risiko tindakanbalas atau perdagangan semula

Seksyen 4:

Ringkasan tip untuk melindungi mangsa pemerdagangan



Turuti prinsip-prinsip utama untuk perlindungan mangsa pemerdagangan:

- Mangsa tidak seharusnya ditahan, dituduh atau didakwa untuk memasuki atau men-
etap dalam sesebuah Negara, atau bagi jenayah yang telah mereka lakukan akibat
dari diperdagangkan
- Mangsa harus memiliki akses kepada penjagaan fizikal dan psikologi
- Mangsa harus diberikan bantuan perundangan dan lain-lain bantuan sepanjang
jenayah, sivil atau prosiding-prosiding lain
- Mangsa pemerdagangan kanak-kanak harus diberi bantuan dan perlindungan yang
bersesuaian, selari dengan kelemahan-kelemahan mereka yang khusus serta hak
asasi dan keperluan mereka
- Mangsa harus diberi jaminan keselamatan (dan di mana boleh, bersifat sukarela)
pemulangan oleh Negara-negara pemberi dan penerima
- Mangsa harus diberi akses kepada penyelesaian perundangan yang berkesan dan
bersesuaian



Mengoperasikan peruntukan perlindungan dalam antarabangsa: Kerajaan-kerajaan digalakkan mencontohi Kerajaan-kerajaan yang melangkaui standard-standard minimum yang diberikan dalam Protokol Permerdagangan, misalnya dengan memperkenalkan skim pampasan berasingan daripada dan sebagai penambahan kepada prosiding jenayah.



Pastikan bahawa pendekatan-pendekatan kepada perlindungan mengutamakan mangsa: Pastikan bahawa pendekatan-pendekatan kepada perlindungan menitikberatkan mangsa, dengan mengambil kira keselamatan mangsa dan keluarga-keluarga mereka, dan kerahsian maklumat yang berkenaan dengan mereka. Program-program perlindungan mangsa harus diaplikasi kepada semua mangsa pemerdagangan pada dasar tidak mendiskriminasikan dan harus fleksible serta boleh diubahsuai kepada keperluan individu mangsa, termasuk dengan kerjasama yang berkesan dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang khusus.



Lindungi mangsa-mangsa sama ada mereka bekerjasama atau tidak: Kerajaan-kerajaan harus menegakkan kewajiban mereka untuk melindungi mangsa, tidak kira status migrasi atau status lain, dan kesanggupan mereka dalam mengambil bahagian di dalam prosiding perundangan jenayah.



Berikan tempoh berfikir kepada mangsa pemerdagangan: Berikan tempoh berfikir kepada mangsa pemerdagangan untuk membolehkan mereka pulih dari pengalaman mereka. Tempoh masa berfikir dan sokongan yang berkaitan, termasuk visa sementara untuk mangsa pemerdagangan transnasional, harus diberikan tidak kira kesanggupan mangsa untuk melibatkan diri dalam prosiding menentang pedagang

- ✓ **Melindungi mangsa pemerdagangan manusia selari dengan amalan terbaik:** Garispanduan 6 Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR) Prinsip dan Garispanduan tentang Pemerdagangan Manusia yang disarankan menasihati agar kerajaan, dan di mana boleh semua pertubuhan antara-kerajaan dan bukan kerajaan, harus mempertimbangkan:
 - Pastikan bahawa mangsa tidak ditahan dalam sebarang bentuk tahanan imigresen atau tahanan lain
 - Pastikan yang mangsa tidak diwajibkan menerima sebarang perkhidmatan perlindungan atau bantuan yang mereka tidak setuju
 - Beritahu mangsa-mangsa tentang hak asasi mereka untuk mendapatkan akses kepada perwakilan diplomatik dan konsular dari Negara kerakyatannya
 - Melindungi mangsa daripada ugutan, kemudaratan atau tindakan balas dari pedagang, dengan menghormati privasi dan tidak mendedahkan identiti mereka
- ✓ **Lakukan penilaian risiko sepanjang proses perundangan jenayah:** Keperluan perlindungan manusia akan berubah sebelum, semasa dan selepas perbicaraan. Selari dengan ini, langkah-langkah terbaik bagi Kerajaan-kerajaan adalah untuk menjalankan penilaian risiko pada setiap tahap proses tersebut untuk memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan kepada mangsa diubahsuai dengan berkesan untuk memberi tumpuan kepada keperluan-keperluan mereka yang berubah.
- ✓ **Berikan sokongan pra-perbicaraan kepada mangsa dan saksi pemerdagangan manusia:** Peruntukan perlindungan dalam Protokol Pemerdagangan Orang memberikan standard-standard minimum untuk sokongan pra-perbicaraan kepada mangsa dan saksi pemerdagangan manusia. Kerajaan-kerajaan harus menempatkan satu proses formal untuk memberikan sokongan tersebut. Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan kemasyarakatan sosial yang arif dalam sistem perundangan jenayah dan mempunyai latihan pengkhususan dalam memberikan sokongan kepada mangsa mungkin dapat membantu dalam pemberian perkhidmatan sokongan tersebut.
- ✓ **Berikan sokongan kepada mangsa sepanjang proses perundangan jenayah:** Kerajaan-kerajaan harus memberikan mangsa maklumat yang komprehensif, dalam bahasa yang mereka fahami, tentang pilihan-pilihan yang ada kepada mereka termasuk sebagai saksi-saksi dalam prosiding mahkamah. Kerajaan-kerajaan harus juga berusaha untuk memberikan mangsa akses kepada nasihat guaman bebas untuk menolong mereka dalam memahami hak-hak serta kewajipan mereka dari segi undang-undang.
- ✓ **Tempatkan langkah-langkah perlindungan bagi mangsa pemerdagangan kanak-kanak dan saksi-saksi pemerdagangan:** Kerajaan-kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menjadikan kaedah-kaedah dan alat bantuan perlindungan untuk mereka yang lemah sebagai sedia ada secara automatik bagi mangsa kanak-kanak. Perlindungan tambahan mungkin juga dipertimbangkan, seperti membenarkan kemasukan rakaman video temuduga polis dengan mangsa kanak-kanak dan/atau saksi sebagai bukti utama. Namun, mangsa kanak-kanak tidak seharusnya dikehendaki mengambil bahagian, terutamanya apabila mereka telah mengalami trauma yang sangat teruk.



- ✓ **Pastikan kaedah-kaedah bantuan dan perlindungan bukan merupakan imbuhan untuk mengambil bahagian:** Kaedah-kaedah bantuan dan perlindungan harus diberikan dalam satu cara yang tidak bersamaan dengan sebarang jenis imbuhan yang mungkin mengurangkan kes pendakwaan. Apa-apa yang diberikan kepada saksi, termasuk penginapan dan visa, misalnya, harus dikendalikan dengan segera.
- ✓ **Berikan pampasan yang berkesan sebagai sebahagian daripada penyelesaian perlindungan yang mampan:** Kerajaan-kerajaan harus mempertimbangkan menjadikan sumber-sumber pampasan sedia ada kepada mangsa perdagangan berasingan daripada prosiding perundangan jenayah. Pertimbangan harus diberikan untuk memastikan bahawa pampasan boleh diakses oleh mangsa-mangsa perdagangan yang bukan warganegara.
- ✓ **Rasmikan mekanisme penyelarasan nasional untuk melindungi mangsa-mangsa perdagangan:** Mekanisme penyelarasan nasional akan lebih berkesan apabila mereka dimasukkan secara rasmi, misalnya dengan menandatangani Memorandum Persefahaman yang menggariskan peranan dan tanggungjawab spesifik setiap pihak yang berkepentingan.
- ✓ **Operasikan mekanisme penyelarasan:** Penyelarasan pada tahap operasi untuk memastikan kerjasama antara agensi merupakan syarat kepada kejayaan sebarang strategi nasional atau tempatan untuk mengelakkan dan membasmi perdagangan manusia. Contoh langkah-langkah terbaik termasuklah prosedur operasi yang standard, mesyuarat yang kerap dan penilaian serta pemantauan mekanisme yang diperseujui dan digunakan oleh pihak-pihak berkepentingan yang berlainan.



The Bali Process



Hubungi

Pejabat Sokongan Serantau - The Bali Process

27th Floor Rajanakarn Building

3 South Sathorn Road, Sathorn Bangkok 10120, THAILAND

Tel. +66 2 343 9477 Fax. +66 2 676 7337

info@rso.baliprocess.net



The Bali Process

on People Smuggling, Trafficking in Persons and Related Transnational Crime